

Peningkatan Pengaruh China dan Dasar Luar Singapura terhadap Taiwan: Satu Kajian Kuasa Tajam dan Respons Strategik

China's Rising Influence and Singapore's Foreign Policy toward Taiwan: A Study of Sharp Power and Strategic Response

CHIN KOK FAY^{1*} & WAN MUHAMMAD RUMAIZI WAN HUSSIN²

¹*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

²*Agensi Pengurusan Bencana Negara,
Jabatan Perdana Menteri ialah Aras B1, 6 & 7, Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia*

Corresponding author: kfchin@ukm.edu.my

Received: 10 January 2026 Accepted: 30 March 2026

Abstrak

Salah satu daripada isu yang menarik perhatian berkaitan dengan kebangkitan China adalah bagaimana peningkatan pengaruhnya telah memberi kesan kepada dasar luar Singapura terhadap Taiwan yang dianggap oleh China sebagai sebahagian daripada wilayahnya yang perlu disatukan semula dengan tanah besar (*mainland*) China sesuai dengan Dasar Satu China. Kebanyakan karya lepas didominasi oleh analisis kesan peningkatan kuasa keras (*hard power*) dan kuasa lunak (*soft power*) China ke atas hubungan dua hala tersebut. Bagaimanapun, perluasan kuasa tajam (*sharp power*) China semakin mendapat perhatian untuk membincangkan bagaimana penggunaannya sejak kebelakangan ini, iaitu menerusi manipulasi budaya, sistem pendidikan dan media secara senyap telah mempengaruhi persepsi umum demi kepentingan China termasuklah hubungan Singapura dengan Taiwan. Justeru itu, artikel ini mengkaji bagaimana peningkatan pengaruh China memberi kesan kepada dasar luar Singapura terhadap Taiwan bukan sahaja menerusi pengaruh politik dan ekonomi tetapi juga kuasa tajam sejak kebelakangan ini, dan seterusnya bagaimana Singapura bertindak balas terhadap pengaruh tersebut dalam melindungi kepentingan strategiknya. Berbeza dengan kejayaan penglibatan masyarakat sivil dalam menghadapi peningkatan operasi kuasa tajam China di Taiwan, peranan dan respons kerajaan Singapura adalah dominan dan proaktif terutamanya menerusi perundangan bagi mengawal perluasan kuasa tajam China di negara itu. Dengan menggunakan kerangka analisis interaksi faktor antarabangsa-domestik demi memahami pendekatan Singapura yang berbeza tersebut, artikel ini mendapati faktor domestik yang dominan, iaitu kepimpinan berinteraksi dengan faktor luar yang semakin menekan berikutan peningkatan pengaruh PRC dalam membentuk tindak balas Singapura menghadapi tekanan kuasa besar tersebut. Singapura menggunakan pelbagai strategi dan pendekatan diplomasi dan politik, kerjasama ekonomi dan ketenteraan serta penggubalan dasar dan undang-undang khusus sebagai tindakan demi mempertahankan kepentingan strategiknya.

Kata kunci: Kebangkitan China; Dasar Satu China; Singapura; Taiwan; Kuasa Tajam

Abstract

One of the issues drawing attention regarding China's rise is how its increasing influence has impacted Singapore's foreign policy toward Taiwan, which China regards as a part of its territory that must be reunified with mainland China in accordance with the One China Policy. Most previous literature has been dominated by analyses of the impact of China's increasing hard power and soft power on the bilateral relations. However, the expansion of China's sharp power has gained increasing attention in discussions of how its recent use—namely through the subtle manipulation of culture, education systems, and the media—has influenced public perception in favour of China's interests, including the Singapore-Taiwan relationship. Thus, this article examines how China's rising influence affects Singapore's foreign policy toward Taiwan, not only through political and economic influence but also through sharp power in recent years, and subsequently how Singapore responds to this influence to protect its strategic interests. In contrast to the successful involvement of civil society in confronting the rise of China's sharp power operations in Taiwan, the role and response of the Singapore government have been dominant and proactive, primarily utilizing legislation to control the expansion of China's sharp power in the country. Using the international-domestic factor interaction analysis framework, this article finds that the dominant domestic factor, i.e. leadership interact with increasingly pressing external factor following the rise of PRC influence in shaping Singapore's response to this great power pressure. Singapore utilizes various strategies and diplomatic and political approaches, economic and military cooperation, as well as the formulation of specific policies and laws as measures to safeguard its strategic interests.

Keywords: China's Rise; Singapore: Taiwan; One China Policy: Sharp Power

Pengenalan

Kesan kebangkitan China (atau People's Republic of China - PRC) biasanya dikaji dari segi peningkatan pengaruh ekonomi, politik dan ketenteraan.¹ Sebagai negara kecil yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa dan berada di tengah-tegah laluan perdagangan antarabangsa yang strategik, Singapura tidak terkecuali daripada mengalami kesan pengaruh kebangkitan PRC. Salah satu daripada isu yang menarik perhatian adalah bagaimana kebangkitan tersebut telah mempengaruhi dasar luar Singapura terhadap Taiwan yang dianggap oleh China sebagai sebahagian daripada wilayahnya yang tidak boleh dipisahkan, malahan perlu disatukan semula dengan tanah besar (*mainland*) sesuai dengan Prinsip Satu China. Kebanyakan karya lepas didominasi oleh analisis kesan peningkatan kuasa keras (*hard power*) dan kuasa lunak (*soft power*) China ke atas hubungan dua hala tersebut. Bagaimanapun, perluasan kuasa tajam (*sharp power*) China semakin mendapat perhatian sejak kebelakangan ini, khususnya dalam membincangkan bagaimana kuasa tajam itu digunakan menerusi manipulasi budaya, sistem pendidikan dan media secara senyap untuk mempengaruhi persepsi umum demi kepentingan China, termasuk hubungan Singapura dengan Taiwan.²

Bagi negara kecil seperti Singapura, peningkatan pengaruh China tersebut telah meletakkan hubungan Singapura dengan Taiwan di bawah tekanan yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana peningkatan pengaruh China - bukan sahaja dalam ekonomi, politik dan ketenteraan tetapi juga perluasan kuasa tajam - telah memberi kesan kepada dasar luar Singapura terhadap Taiwan dan seterusnya bagaimana Singapura bertindakbalas terhadap pengaruh tersebut dalam melindungi kepentingan strategiknya. Selepas memberi ulasan kajian lepas dan kerangka analisis berdasarkan kepada pendekatan interaksi faktor antrabangsa-domestik, bahagian seterusnya dalam artikel ini membincangkan bagaimana tekanan pengaruh PRC menerusi

pengaruh politik, ekonomi dan kuasa tajam berikutan dengan kebangkitan PRC telah merumitkan tindakan pengimbangan halus Singapura dalam hubungannya dengan kedua-dua PRC dan Taiwan. Perbincangan ini disusuli dengan penjelasan pelbagai tindak balas Singapura terhadap peningkatan tekanan pengaruh PRC tersebut. Artikel diakhiri dengan kesimpulan.

Sorotan Karya dan Rangka Kerja Teori

Sebahagian besar karya-karya lepas yang mengkaji hubungan Singapura–Taiwan didominasi oleh analisis pengaruhnya yang meliputi politik, ekonomi dan ketenteraan (rujuk kepada Jadual 1). Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas mendapati pengaruh politik adalah pengaruh yang paling banyak mempengaruhi hubungan dua hala Singapura-Taiwan. Menurut Lim, Hsieh dan Young, pengaruh politik PRC memainkan peranan pada peringkat awal lagi iaitu semasa proses pengundian di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1970-an mengenai sama ada PRC atau Taiwan adalah wakil China yang sah.³ Hsieh, Shih dan Chong pula melihat kesan pengaruh politik PRC di mana ia menyebabkan hubungan Singapura-Taiwan ada kalanya menjadi tegang kerana Singapura sering menentang usaha Taiwan ke arah mencapai kemerdekaan.⁴ Scott dan Chang mendapati penggunaan pengaruh politik yang semakin ketara di bawah era Xi Jinping di mana PRC menjadi semakin tegas terhadap Singapura yang dilihat semakin rapat dengan Taiwan.⁵

Dari segi pengaruh ekonomi, Lim dan Chong mendapati pengaruh ekonomi PRC memberi kesan ke atas pendirian Singapura berhubung wakil tunggal China di PBB. Menurut Young, pengaruh ekonomi PRC ke atas hubungan Singapura-Taiwan juga kelihatan di mana FTA antara kedua negara itu tidak menggunakan nama Taiwan manakala Chong mendapati ugutan PRC berkaitan pelaksanaan Projek Suzhou Industrial Park. Dari segi pengaruh ketenteraan, Hsieh mendapati tekanan dari PRC menyebabkan kerjasama ketenteraan Singapura-Taiwan melalui Projek Starlight terpaksa dibuat tanpa publisiti. Scott, Young dan Chong pula mendapati Singapura memandang serius akan potensi tindakan ketenteraan PRC berkaitan hubungannya dengan Taiwan. Oleh yang demikian, Singapura tidak akan menyokong sebarang usaha kemerdekaan Taiwan. Berkaitan kerjasama ketenteraan Singapura-PRC di bawah *Agreement on Defence Exchanges and Security Cooperation* (ADESC), Scott melihat kerjasama itu tidak menjejaskan kerjasama sedia ada antara Singapura dan Taiwan. Chang pula berpendapat sebaliknya. Kerjasama itu dilihat cubaan PRC untuk menyingkirkan Taiwan daripada menjadi rakan strategik pertahanan Singapura.

Berbeza dengan kajian-kajian lain, kajian Chan tidak membincangkan bagaimana kuasa lunak (*soft power*) PRC memberi kesan ke atas hubungan Singapura-Taiwan. Sebaliknya kajian tersebut membincangkan sama ada budaya popular Taiwan boleh menjadi kuasa lunak dalam mengeratkan hubungan Singapura-Taiwan. Walaupun budaya popular Taiwan diterima baik di Singapura, ia tidak diterjemahkan ke dalam bentuk kuasa lunak untuk memperbaiki hubungan kedua negara itu. Ini disebabkan dalam isu hubungan antarabangsa, pemimpin Singapura akan mengutamakan kepentingan nasional dan strategiknya.

Jadual 1: Kajian lepas mengenai pengaruh kuasa keras dan lunak ke atas hubungan Singapura-Taiwan

Kajian-kajian	Lepas		
	Politik	Ekonomi	Ketenteraan
Chong (2006)	✓	✓	✓
Young (2014)	✓	✓	✓
Shih (2016)	✓		
Hsieh (2019)	✓		✓
Chang (2020)			✓
Lim (2022)	✓	✓	
Scott (2022)	✓	✓	✓

Sumber: Kompilasi pengarang.


Bagaimanapun, perluasan kuasa tajam (*sharp power*) China semakin mendapat perhatian, terutamanya dalam konteks penggunaannya sejak kebelakangan ini menerusi manipulasi budaya, sistem pendidikan dan media, yang menjadi alat penting pada era Xi Jinping untuk mempengaruhi persepsi umum dalam hubungan Singapura dengan Taiwan, untuk mencapai agenda kuasa besar tersebut.⁶ Menurut kajian Ketty W. Chen, strategi penggunaan kuasa tajam China yang semakin mendapat perhatian selepas pilihanraya Taiwan 2016 termasuk usaha untuk menembusi, menyerap dan melemahkan institusi politik Taiwan, masyarakat, integriti pilihanraya serta organisasi siviknya.⁷ Selain daripada Taiwan, perluasan kuasa tajam di Singapura juga menarik perhatian. Kajian deLisle beralih daripada analisis kuasa lunak tradisional kepada kuasa tajam yang digunakan untuk menembusi dan mengkompromi persekitaran maklumat dan politik negara sasaran. Kurlantzick sependapat dengan deLisle bahawa Singapura juga menjadi sasaran operasi kuasa tajam China kerana persekitaran yang unik dan berkepentingan tinggi disebabkan oleh majoriti penduduknya yang terdiri daripada etnik Cina di samping kepentingan strategiknya.⁸

Walaupun China telah meningkatkan operasi kuasa tajamnya, Kurlantzick mendapati bahawa ia telah membawa kepada pengetatan undang-undang dan pertahanan Singapura terhadap Beijing berdasarkan kepada tinjauan Hsiao.⁹ Tinjauan tersebut menunjukkan strategi kuasa tajam China membabitkan persenjataan identiti etnik yang sama, penusupan rangkaian sosial dan perniagaan dan pengaruh ke atas media tempatan yang menggunakan bahasa Cina. Kajian Wu yang menggunakan kerangka 'pusat-pinggiran' berhujah bahawa China telah menggunakan kuasa tajam menerusi penyusupan elit perniagaan dan penggunaan naratif budaya dan identiti etnik Cina untuk mbingkaikan sokongan terhadap Taiwan sebagai satu ancaman terhadap perpaduan China.¹⁰

Berbeza dengan hasil kajian Ketty W. Chen tentang kejayaan penglibatan masyarakat sivil dalam menghadapi peningkatan operasi kuasa tajam China di Taiwan, kajian Kurlantzick dan Hsiao pula mendapati peranan dan respons kerajaan Singapura yang proaktif terutamanya menerusi perundangan bagi mengawal perluasan kuasa tajam China di Singapura. Dengan menggunakan pendekatan interaksi faktor antarabangsa-domestik demi memahami pendekatan Singapura yang berbeza tersebut, kajian ini menganalisis bagaimana interaksi antara kedua-dua faktor tersebut telah mempengaruhi dasar Singapura terhadap Taiwan dan tindak balas Singapura terhadap peningkatan pengaruh PRC termasuk perluasan kuasa tajamnya berkaitan hubungannya dengan Taiwan. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1, kepimpinan kerajaan, media, pembangkang, kumpulan pelobi, NGO dan pendapat umum adalah faktor yang berpotensi mencorakkan hubungan dua hala tersebut dan tindak balasnya terhadap pengaruh dari PRC. Singapura adalah negara yang kecil dan diperintah oleh parti yang sama sejak penubuhannya. Pembuatan keputusan di Singapura adalah berpusat dan politik Singapura didominasi oleh People's Action Party (PAP). Oleh yang demikian, kepimpinan adalah faktor yang paling dominan dalam membentuk dasar luar Singapura terhadap Taiwan. Tindak balas dari kepimpinan kerajaan pula bergantung kepada faktor antarabangsa yang semakin mencabar

Peningkatan Pengaruh China dan Dasar Luar Singapura terhadap Taiwan

kepentingan strategik Singapura dalam mengendalikan hubungan diplomatiknya dengan Taiwan, iaitu peningkatan pengaruh China. Interaksi tersebut bukan sahaja membabitkan tindakbalas kerajaan Singapura terhadap penggunaan kuasa keras dan lunak China, tetapi juga perluasan kuasa tajam kuasa besar itu yang cuba mempengaruhi media dan persepsi umum.



Rajah 1: Interaksi antara faktor antarabangsa.
Sumber: Mendapat inspirasi daripada Wang, 2017.

Impak Pengaruh PRC ke atas Dasar Luar Singapura Terhadap Taiwan

Sebagai negara kecil yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa dan berada di tengah-tengah laluan perdagangan yang strategik, Singapura tidak terkecuali daripada mengalami kesan pengaruh kebangkitan PRC. Bahagian ini akan meneliti bentuk-bentuk pengaruh PRC ke atas hubungan Singapura-Taiwan. Pengaruh PRC ke atas Singapura meliputi bentuk politik termasuk ketenteraan, ekonomi dan *sharp power*.

Impak Pengaruh Politik

Dari sudut politik, Dasar Satu China yang sentiasa ditekankan oleh PRC memberi kesan terhadap interaksi Singapura dengan Taiwan. Keadaan ini menyebabkan interaksi antara kedua negara itu dibuat secara terhad dan berhati-hati supaya tidak mendatangkan kecurigaan PRC. Mengikut Dasar Satu China, PRC secara politik meminta semua negara yang ada hubungan diplomatik dengannya hanya mengiktiraf PRC sebagai satu-satunya negara China yang sah manakala negara China yang lain iaitu Republic of China (Taiwan) tidak boleh diiktiraf sebagai sebuah negara. Disebabkan kuasa dan pengaruh PRC yang semakin meningkat, semakin banyak negara yang akur dengan kehendak PRC.

Lanjutan daripada dasar luarnya itu, Singapura juga menunjukkan ekspresi dasar luar dengan jelas dan konsisten dengan Dasar Satu China. Contohnya ialah Singapura tidak akan mewujudkan hubungan diplomatik rasmi dengan Taiwan, mengelak daripada menggunakan protokol rasmi negara semasa berinteraksi dengan pegawai Taiwan dan memastikan bahawa interaksi antara kedua-dua pihak adalah bersifat tidak rasmi. Demi memelihara hubungannya dengan PRC, Singapura juga

sentiasa berhati-hati dalam membuat kenyataan rasmi. Singapura akan mengelakkan sebarang ucapan atau kenyataan yang boleh dianggap sebagai menyokong kemerdekaan Taiwan. Pendirian Singapura yang menolak kemerdekaan Taiwan telah dibentuk sejak era Lee Kuan Yew lagi. Disebabkan tiada hubungan diplomatik rasmi dan mematuhi Dasar Satu China, hubungan Singapura-Taiwan sungguhpun tidak dicegah atau ditentang secara jelas oleh PRC, terpaksa dibuat dalam keadaan terhad dan penuh kekangan.

Di bawah pemerintahan Xi Jinping, PRC semakin tegas dalam memberikan tekanan politik ke atas Singapura berhubung hubungan tidak rasminya dengan Taiwan¹¹ Tekanan ini dapat dilihat dalam beberapa insiden di mana PRC menunjukkan ketegasannya dan memberi peringatan kepada Singapura tentang kepentingan mematuhi Dasar Satu China. Salah satu insiden yang menunjukkan ketegasan PRC adalah berkenaan lawatan Lee Hsien Loong, Timbalan Perdana Menteri Singapura pada masa itu ke Taiwan. Walaupun pihak Singapura telah menjelaskan bahawa lawatan itu bersifat tidak rasmi dan peribadi, PRC telah mengkritik lawatan tersebut dan berpandangan bahawa Singapura tidak menghormati Dasar Satu China. PRC seterusnya mengeluarkan bantahan dan memberi peringatan kepada Singapura bahawa lawatan berprofil tinggi seperti itu boleh menjejaskan hubungan PRC-Singapura. Susulan lawatan tersebut, PRC telah membekukan hubungan dua hala dengan Singapura selama setahun.¹² Insiden tersebut menandakan titik perubahan dalam hubungan Singapura-Taiwan di mana Singapura menjadi lebih berhati-hati dalam mengadakan interaksi berprofil tinggi dengan Taiwan untuk mengelakkan bantahan dan kemarahan PRC. Selain itu, insiden penahanan kenderaan tentera Singapura oleh pihak berkuasa pelabuhan Hong Kong pada tahun 2016 adalah satu lagi contoh tekanan politik PRC ke atas Singapura.¹³ Pada masa itu, sembilan kenderaan tentera Singapura yang digunakan untuk latihan di Taiwan telah ditahan di Hong Kong setelah selesai menjalani latihan di Taiwan di bawah Projek Starlight.

Walaupun Singapura masih meneruskan hubungannya dengan Taiwan secara tidak rasmi, interaksinya dibuat dengan berhati-hati untuk mengelakkan provokasi PRC. Sehingga kini pengaruh politik PRC ke atas Singapura masih wujud kerana PRC melihat sebarang bentuk hubungan dengan Taiwan yang boleh membawa kepada pengiktirafan Taiwan sebagai cabaran kepada Dasar Satu China. Pendirian Singapura ke atas isu-isu yang melibatkan kepentingan PRC, termasuklah isu Taiwan perlu diubahsuai berikutan kuasa dan pengaruh PRC yang semakin meningkat. Perubahan ini perlu dibuat untuk memberi ruang hubungan Singapura-PRC berkembang.¹⁴

Pengaruh politik PRC memberi kesan ke atas kerjasama ekonomi dan ketenteraan Singapura-Taiwan. Dari sudut perdagangan, demi menjaga sensitiviti dan mengelakkan pengiktirafan kepada Taiwan, Singapura terpaksa mengadakan perjanjian perdagangan dengan Taiwan menggunakan nama lain. Perjanjian perdagangan yang ditandatangani pada tahun 2013 ini dinamakan *Agreement between Singapore and the Separate Customs Territory of Taiwan, Penghu, Kinmen, and Matsu on Economic Partnership* (ASTEP). Penggunaan bahasa di dalam perjanjian itu dibuat dengan teliti untuk mencerminkan pematuhan Singapura terhadap status Taiwan dan mengelakkan penggunaan bahasa yang ada elemen pengiktirafan kepada Taiwan.¹⁵ Seperti mana kerjasama dengan negara lain, Singapura juga mengadakan kerjasama ketenteraan dengan Taiwan di bawah Projek Starlight. Disebabkan sensitiviti isu hubungan dengan Taiwan, Singapura terpaksa mengadakan kerjasama itu secara senyap dan tidak melibatkan publisiti. Singapura lebih selesa hubungannya dengan Taiwan kekal dalam keadaan sedia ada kerana ia dapat memanfaatkan kerjasama dengan Taiwan dan pada masa yang sama tidak melanggar Dasar Satu China.¹⁶

Impak Pengaruh Ekonomi

Kebergantungan Singapura terhadap perdagangan antarabangsa terutamanya hubungan dagangnya dengan PRC mewujudkan suasana yang sukar buat Singapura kerana perlu mengambil kira tindak balas ekonomi dari PRC akibat hubungannya dengan Taiwan. Pasaran domestik yang kecil dan ketiadaan sumber alam semula jadi menyebabkan Singapura terpaksa bergantung kepada perdagangan antarabangsa sebagai sumber ekonomi dan pendapatannya. Tahap kebergantungan ini dapat dilihat pada nisbah perdagangan kepada KDNK yang tinggi iaitu melebihi tiga kali ganda (Jadual 2).

Jadual 2: Nisbah perdagangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Singapura, 2019-2023

TAHUN	NILAI PERDAGANGAN (Import dan eksport, S\$ bilion)			KDNK	
	BARANGAN	PERKHIDMATAN	JUMLAH	S\$	NISBAH
				bilion	
2023	1,205.7	837.3	2,043.0	673.3	3.03
2022	1,365.4	870.7	2,236.1	687.2	3.25
2021	1,160.0	711.6	1,871.6	583.2	3.21
2020	969.1	589.2	1,558.3	482.2	3.23
2019	1,022.2	589.9	1,612.1	514.2	3.14

Sumber: Department of Statistics, Singapore. SingStat Table Builder dan kompilasi pengarang.

Justeru, pengaruh ekonomi PRC memainkan peranan dalam mempengaruhi pendirian dan dasar Singapura terhadap Taiwan. Sebagai contoh, PRC pernah memberi amaran kepada Singapura bahawa Taman Perindustrian Suzhou yang melibatkan kerjasama Singapura-PRC boleh dihentikan jika Taiwan berterusan melakukan provokasi berkaitan kemerdekaannya terhadap PRC.¹⁷ Dalam kes ini, walaupun Singapura bukanlah pihak yang membuat provokasi, namun amaran sebegini sentiasa diambil berat oleh Singapura di mana setiap dasar, pendirian dan kenyataannya berkaitan Taiwan-PRC sentiasa konsisten iaitu Singapura menghormati Dasar Satu China dan tidak menyokong kemerdekaan Taiwan. Selain itu, PRC juga mengenakan tekanan ke atas Singapura untuk menangguhkan perbincangan mengenai perjanjian perdagangan bebas Singapura-PRC susulan lawatan peribadi Lee Hsien Loong ke Taiwan pada 2004 yang menimbulkan kemarahan PRC.¹⁸

Akibat pengaruh tersebut, Singapura sentiasa berhati-hati dalam sebarang tindakan atau kenyataan yang mungkin kelihatan menyokong Taiwan yang boleh menimbulkan kecurigaan PRC. Singapura juga mengelak daripada terlibat dalam sebarang sokongan kepada Taiwan secara terbuka yang boleh menjejaskan hubungan perdagangannya dengan PRC. Oleh kerana kebergantungan ekonominya, Singapura sentiasa memegang dasar yang tidak mengiktiraf Taiwan sebagai negara merdeka. Pendirian ini adalah selaras dengan Dasar Satu China yang dibuat oleh PRC. Dengan berbuat demikian, Singapura melindungi kepentingan ekonominya dengan PRC sambil mengekalkan hubungan tidak rasminya dengan Taiwan. Kepentingan Belt Road Initiative (BRI) dari sudut ekonomi turut memberi kesan kepada Singapura. Jika dilihat sekali imbas, BRI yang menumpukan kepada projek pembangunan infrastruktur, tidak selari dengan keperluan Singapura. Dengan ekonomi yang maju, keperluan Singapura berbeza daripada keperluan negara-negara jirannya seperti Malaysia atau Indonesia, di mana BRI membiayai pelbagai projek infrastruktur seperti landasan kereta api dan pelabuhan.

Walau bagaimanapun, Singapura melihat BRI dari sudut lain, iaitu mengambil peluang menggunakan statusnya sebagai hab kewangan dan logistik utama di Asia untuk bertindak sebagai orang tengah bagi pelaksanaan projek BRI di negara ketiga.¹⁹ Kepentingan BRI kepada Singapura

dapat dilihat apabila Singapura adalah antara negara terawal yang menyatakan sokongan terhadap BRI dan kesediaan untuk bekerjasama dengan PRC.²⁰ BRI membuka peluang yang besar kepada syarikat-syarikat Singapura di mana BRI meliputi 60 buah negara iaitu bersamaan hampir satu per empat jumlah KDNK dunia dan separuh daripada penduduk dunia.²¹ Jumlah pelaburan terkini meliputi S\$60 bilion yang laburkan terus ke dalam projek-projek BRI dan perdagangan bernilai S\$5 trilion dengan negara yang terlibat di mana daripada jumlah tersebut, S\$90 bilion datang dari Singapura. Jumlah pelaburan yang besar ini membuka peluang kepada syarikat Singapura yang mempunyai kepakaran dan reputasi tinggi, untuk menyediakan perkhidmatan profesional seperti pembiayaan, perundangan dan insurans yang diperlukan bagi pembangunan projek-projek berskala besar, terutamanya di negara-negara membangun. Selain projek BRI di negara ketiga, Singapura juga menunjukkan komitmen dalam BRI apabila mengadakan kerjasama dengan PRC untuk membangunkan The China-Singapore (Chongqing) Demonstration Initiative on Strategic Connectivity (CCI).²²

Penglibatan secara tidak langsung di dalam BRI memberikan manfaat yang besar kepada Singapura di mana dianggarkan 60% projek BRI di Asia Tenggara mendapat pembiayaan mereka melalui institusi kewangan di Singapura.²³ Selain itu, kedudukan Singapura sebagai salah satu pusat penyelesaian renminbi (RMB) luar pesisir yang penting, Singapura mendapat manfaat dengan menjadi destinasi pilihan bagi pelaburan keluar syarikat PRC dan menarik minat sebahagian besar pelaburan PRC dalam kalangan semua negara BRI.²⁴ Secara keseluruhannya, Singapura mendapat manfaat dari segi perkembangan ekonomi di mana nilai pelaburan PRC di Singapura yang bersamaan satu per tiga daripada jumlah pelaburan PRC di negara BRI, manakala pelaburan Singapura di PRC pula bersamaan dengan 85% daripada keseluruhan pelaburan masuk dari negara BRI ke PRC.²⁵

Dengan adanya kaitan kepentingan antara BRI dan ekonomi Singapura, BRI menjadi alat PRC mempengaruhi dasar Singapura terhadap Taiwan. Sebagai contoh, apabila Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong tidak dijemput menghadiri sidang kemuncak BRI yang pertama pada tahun 2017, penganalisis melihatnya sebagai tindak balas simbolik dari PRC terhadap sikap tidak pro-PRC Singapura dalam isu yang melibatkan kepentingan PRC termasuklah berkenaan Taiwan.²⁶ Walaupun alasan sebenar tidak didedahkan kepada umum, ia dilihat sebagai isyarat dari PRC bahawa Singapura bakal terlepas daripada menerima manfaat ekonomi dan pelaburan berkaitan projek pembangunan BRI sekiranya Singapura tidak membuat penyesuaian yang selari dengan kepentingan PRC, termasuklah berkenaan Taiwan.

Menyedari risiko bakal dipinggirkan daripada inisiatif yang boleh mendatangkan banyak manfaat ekonomi ini, Singapura mengambil langkah untuk memperbaiki hubungannya dengan PRC. Perdana Menteri Lee Hsien Loong telah mengadakan lawatan ke PRC pada tahun 2017 dan diikuti dengan kehadiran dan pertemuannya dengan Presiden Xi Jinping di Forum Boao untuk Asia pada April 2018. Tindakan itu telah memperbaiki hubungan Singapura-PRC dan meletakkan Singapura sebagai rakan kongsi untuk PRC dalam dua bidang iaitu sebagai hab pembiayaan untuk BRI dan sumber untuk perkongsian negara ketiga.²⁷ Usaha Singapura itu kelihatan membuahkan hasil di mana Singapura dan PRC telah menandatangani perjanjian untuk menggalakkan kerjasama antara syarikat kedua-dua negara yang beroperasi di negara lain yang terlibat dalam BRI.²⁸ Di bawah *Memorandum of Understanding to Promote Greater Collaboration between Singapore and Chinese Companies in Third-Party Markets along the Belt & Road*, agensi kerajaan Singapura dan PRC akan mengenal pasti sektor dan pasaran yang mempunyai kepentingan bersama serta akan menganjurkan aktiviti untuk menggalakkan kerjasama antara syarikat dari kedua-dua negara.²⁹

Impak Pengaruh Ketenteraan

Dari segi ketenteraan, kuasa ketenteraan PRC yang besar serta pendekatan agresifnya di Laut China Selatan memberi tekanan secara tidak langsung kepada Singapura dalam menguruskan hubungannya dengan Taiwan. Peningkatan kuasa ini diakui sendiri oleh US. PRC dikatakan sebagai satu-satunya kuasa yang boleh mencabar US. Potensi cabaran ini dilihat dari segi niat dan keupayaan PRC yang semakin meningkat yang akan membentuk aturan antarabangsa.³⁰

Kebangkitan kuasa ketenteraan PRC memberi kesan ke atas dasar Singapura terhadap Taiwan. Pemimpin Singapura sejak era Lee Kuan Yew menyedari akan kekuatan PRC dan mengambil jalan selamat dengan mematuhi Dasar Satu China dan mengekalkan dasar menolak kemerdekaan Taiwan. Pendirian ini tidak hanya menggambarkan pengaruh ketenteraan PRC ke atas Singapura, tetapi ia juga menunjukkan langkah berhati-hati Singapura dalam hubungan tersebut untuk mengelak tindak balas PRC yang boleh meletakkan Singapura dalam keadaan sukar. Sungguhpun kebarangkalian PRC akan menyerang Singapura disebabkan hubungannya dengan Taiwan adalah rendah, pemimpin Singapura mengambil pendekatan pragmatik dan bijak dengan mengelak sebarang tindakan provokasi yang akan mengundang tindakan ketenteraan PRC. Sebarang tindak balas ketenteraan dari PRC tidak akan menguntungkan, walaupun sekiranya PRC tewas dalam krisis tersebut. Ini disebabkan tindakan ketenteraan dan krisis akan mengganggu kelancaran perdagangan yang merupakan sumber pendapatan utama Singapura.

Pendirian ini dapat dilihat melalui sikap pemimpin Singapura yang mengambil berat akan potensi teretusnya konflik di Selat Taiwan. Contohnya, susulan lawatan Speaker US Nancy Pelosi ke Taiwan pada tahun 2022, Menteri Luar Singapura Vivian Balakrishnan menyatakan semasa sesi soal jawab di Parlimen pada 6 Ogos 2022 bahawa lawatan tersebut berpotensi mencetuskan konflik dan silap percaturan dan mengharapkan supaya suhu akibat lawatan tersebut dapat diredakan.³¹ Bilahari Kausikan, bekas diplomat kanan Singapura turut menyifatkan lawatan tersebut bukanlah cara yang bijak untuk menyokong Taiwan³². Pendirian Singapura dalam isu berkenaan sedikit sebanyak meredakan kemarahan PRC yang tidak melihat Singapura menentang pendirian PRC mengenai Taiwan dan tidak menyokong tindakan provokasi US.

Selain risiko serangan ketenteraan, Singapura juga menerima tekanan ke atas kerjasama latihan ketenteraannya dengan Taiwan di bawah Projek Starlight di mana tekanan dari PRC menyebabkan kerjasama ketenteraan itu terpaksa dibuat tanpa publisiti.³³ Selain itu, Singapura juga telah mengadakan kerjasama ketenteraan dengan PRC melalui *Agreement on Defence Exchanges and Security Cooperation* (ADESC) pada tahun 2019. Perjanjian ini dibuat hampir tiga dekad setelah perjanjian kerjasama pertahanan dengan US dibuat iaitu pada tahun 1990. Perjanjian ini dan tawaran untuk menyediakan tempat latihan bagi tentera Singapura merupakan satu bentuk pengaruh ketenteraan yang PRC cuba kenakan ke atas Singapura.³⁴ Dengan cara ini PRC cuba untuk menjadi rakan pertahanan utama Singapura dan seterusnya mengurangkan kebergantungan Singapura terhadap Taiwan. Bagi Singapura yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa, konflik di Selat Taiwan apatah lagi melibatkan rakan dagangnya yang terbesar akan menjejaskan ekonominya. Oleh itu, Singapura akan mengelakkan sebarang tindakan yang akan mewujudkan ketegangan.

Impak Pengaruh Sharp Power

PRC telah lama menjadikan Singapura sebagai sasaran bagi penyebaran pengaruh *sharp power*. Pengaruh itu disebarkan melalui pelbagai saluran dengan tujuan untuk membentuk pendapat umum dan mempengaruhi persekitaran politik supaya selari dengan kepentingan PRC.³⁵ Selain menggunakan

faktor identiti Cina di Singapura, persatuan perniagaan turut dijadikan pelobi yang berkuasa bagi memajukan kepentingan PRC di Singapura.³⁶ Sebagai contoh, di Asia Tenggara terdapat perniagaan yang diusahakan oleh keluarga dari penduduk kaum Cina yang dipanggil sebagai Bamboo Network. Perniagaan keluarga ini mempunyai rangkaian urus niaga yang rumit dan ada kaitan dengan syarikat di PRC termasuklah syarikat berkaitan kerajaan. Rangkaian perniagaan ini telah mempengaruhi landskap ekonomi di Asia Tenggara, termasuk di Singapura.³⁷ Malah, ahli perniagaan kaum Cina ini diminta untuk memainkan peranan yang aktif dalam melaksanakan BRI dan berkongsi Impian China.³⁸ Di samping itu, media terutamanya media bahasa Cina juga memainkan peranan dalam menyebarkan pengaruh PRC. Lianhe Zaobao, iaitu surat khabar bahasa Cina yang paling banyak edaran di Singapura turut memainkan peranan dalam penyebaran pengaruh PRC di Singapura.³⁹ Dakwaan ini dibuat berdasarkan pemerhatian ke atas kandungan Lianhe Zaobao yang didapati semakin condong ke arah PRC. Selain Lianhe Zaobao, Channel 8 iaitu saluran TV berbahasa Mandarin di Singapura juga terkesan telah diresapi pengaruh pro-PRC. Salah seorang pengacara program TV berkenaan telah mengeluarkan kenyataan yang memihak kepada Rusia iaitu selari dengan pendirian PRC dalam isu konflik Rusia-Ukraine.⁴⁰

Sharp power PRC dapat mempengaruhi sentimen golongan tertentu di Singapura, khususnya golongan yang mempunyai kepentingan ekonomi dengan PRC.⁴¹ Contoh pertama ialah semasa insiden rampasan kenderaan tentera Singapura oleh pihak berkuasa Pelabuhan Hong Kong pada tahun 2016. Dalam keadaan yang tegang itu, ada segelintir ahli perniagaan Singapura berbangsa Cina yang mempunyai kaitan dengan pegawai Kerajaan Singapura yang cuba mempengaruhi kerajaan supaya tidak meneruskan Projek Starlight di Taiwan bagi mengelakkan masalah dalam hubungan dengan PRC.⁴² Contoh kedua pula berlaku pada tahun 2004. Dalam kejadian tersebut, komuniti perniagaan Singapura mengenakan tekanan ke atas Kerajaan Singapura apabila Timbalan Perdana Menteri Lee Hsien Loong mengadakan lawatan peribadi ke Taiwan di mana lawatan itu akan menyebabkan tindak balas PRC dan seterusnya menjejaskan kepentingan mereka dengan PRC.

Sungguhpun operasi *sharp power* PRC itu dapat mempengaruhi sentimen sesetengah golongan masyarakat di Singapura, ia secara umumnya tiak dapat mempengaruhi dasar dan keputusan yang dibuat oleh Kerajaan. Dalam contoh Bamboo Network, kawalan selia yang ketat oleh Kerajaan Singapura dapat mengelakkan dasar dan keputusannya dipengaruhi oleh kepentingan rangkaian perniagaan berkenaan, contohnya kerajaan telah mengambil tindakan menyekat capaian pengguna media sosial di Singapura daripada akaun yang dikaitkan dengan ahli perniagaan PRC, Guo Wenghui kerana mencampuri urusan politik dalaman Singapura.⁴³ Begitu juga dalam isu penyebaran melalui media. Dakwaan bahawa Lianhe Zaobao terlibat dalam penyebaran pengaruh PRC dinafikan oleh Kerajaan Singapura.⁴⁴ Walaupun media berbahasa Cina menjadi saluran bagi penyebaran pengaruh PRC, kawalan media oleh Kerajaan Singapura telah dapat menyekat penyebaran *sharp power* dalam kalangan masyarakat Singapura.⁴⁵

Secara umumnya operasi *sharp power* PRC tidak memberikan kesan yang menyeluruh ke atas masyarakat Cina di Singapura kerana masyarakat ini sudah lama berasimilasi dalam masyarakat setempat di Singapura.⁴⁶ Walaupun PRC mempunyai pengaruh di Singapura, ia tidak banyak mempengaruhi dasar Singapura yang mengutamakan kepentingan strategik dan nilainya sendiri.⁴⁷ Walaupun majoriti rakyat Singapura mungkin mempunyai berpandangan yang positif terhadap PRC, ini tidak semestinya mempengaruhi dasar dan pendekatan kerajaan terhadap PRC. Sebagai contoh, kerajaan Singapura tidak mengikut kaedah PRC dalam pengurusan pandemik COVID-19 serta tidak memilih Huawei bagi penyedia perkhidmatan rangkaian 5G.

Tindak Balas Singapura Terhadap Pengaruh PRC

Strategi Diplomasi dan Politik

Tindak balas Singapura terhadap pengaruh politik PRC bermula dengan strategi politik dan diplomasi di mana strategi ini melibatkan usaha untuk mengekalkan status semasa (*status quo*) hubungan antara Singapura dengan Taiwan tanpa menjejaskan hubungannya dengan PRC. Untuk mencapai tujuan ini, Singapura mengambil pendekatan politik dan diplomasi seperti berikut:

a) Mematuhi Dasar Satu China

Pematuhan terhadap Dasar Satu China adalah tunjang kepada hubungan Singapura dengan kedua-dua PRC dan Taiwan sejak zaman Lee Kuan Yew lagi.⁴⁸ Dengan mematuhi dasar ini, Singapura hanya mengiktiraf PRC sebagai satu-satunya negara China yang sah dan Taiwan adalah sebahagian daripada PRC. Singapura juga menentang sebarang usaha ke arah kemerdekaan Taiwan.⁴⁹ Pendekatan ini mengurangkan risiko timbulnya rasa tidak puas hati PRC terhadap hubungan Singapura dengan Taiwan. Pendekatan ini jelas berkesan di mana sehingga kini Singapura masih meneruskan hubungannya dengan Taiwan walaupun secara tidak rasmi malah mampu juga meneruskan latihan ketenteraannya di bawah Projek Starlight yang bermula sejak 1970-an dan mengadakan FTA dengan Taiwan.⁵⁰ Pendekatan ini membolehkan kepentingan strategik dan ekonomi Singapura dilindungi.

Pendekatan seimbang ini membolehkan ia mengekalkan hubungannya yang tidak rasmi itu dengan Taiwan khususnya dalam bidang ekonomi dan ketenteraan tanpa menjejaskan pendirian rasminya mengenai Dasar Satu China dan status Taiwan. Sungguhpun ada beberapa insiden yang sedikit sebanyak membangkitkan rasa tidak senang PRC berkaitan hubungan Singapura dengan Taiwan contohnya latihan ketenteraan di Taiwan dan ucapan tahniah kepada presiden baharu Taiwan, pendekatan pragmatik Singapura berjaya mengekalkan hubungan dengan kedua-dua negara itu dan memastikan kepentingan jangka masa panjang Singapura terpelihara.

Pendekatan dua hala ini membolehkan Singapura menerima manfaat dari kedua-dua pihak, sebagaimana dinyatakan oleh Perdana Menteri pada masa itu, Lee Hsien Loong bahawa Singapura mengharapkan status semasa di Selat Taiwan kekal sebagaimana sekarang.⁵¹ Kenyataan ini menunjukkan komitmen Singapura untuk mengimbangi hubungan dengan kedua-dua negara itu demi untuk menerima manfaat dan melindungi kepentingan strategiknya.

b) Menggunakan ASEAN sebagai forum untuk melibatkan PRC

Peranan Singapura sebagai antara negara pengasas ASEAN dan penglibatan aktifnya di dalam pertubuhan serantau itu menyediakan platform yang penting untuk melibatkan PRC secara kolektif dan seterusnya memastikan kestabilan serantau. Berbanding interaksi Singapura secara bersendirian, interaksi dengan PRC secara kolektif melalui ASEAN adalah lebih berkesan. Sebagai negara kecil yang bergantung kepada kestabilan serantau, ASEAN memberi banyak kebaikan kepada Singapura.⁵² Atas kesedaran itu, Kerajaan Singapura adalah antara penyokong paling kuat ASEAN. Selain ekonomi, ASEAN memberi kebaikan politik kepada negara itu dari segi mengekalkan keamanan di rantau Asia Tenggara sejak ia ditubuhkan.⁵³

ASEAN memberi manfaat dalam hubungan Singapura dengan PRC atau kuasa besar yang lain di mana ASEAN dapat mengekalkan kestabilan dan pertumbuhan di rantau ini melalui penglibatan dan interaksi dengan kuasa besar, memupuk dialog dan mengelakkan berlakunya konflik. ASEAN yang mendokong aturan berasaskan undang-undang (*rules-based order*) dalam mengurus

pertikaian, dapat memastikan kedaulatan semua negara dihormati.⁵⁴ Penekanan ASEAN terhadap prinsip berkecuali, menolak penggunaan kekerasan dan dialog bagi penyelesaian masalah, melalui piagamnya selari dengan pendekatan diplomatik Singapura. Ini membolehkan Singapura menangani isu yang kompleks, termasuk isu hubungan dengan Taiwan.

Melalui ASEAN, Singapura mengadakan kerjasama dari segi politik dan ekonomi dengan kuasa besar secara konstruktif untuk mengelakkan konflik, perang proksi atau penguasaan oleh mana-mana kuasa asing.⁵⁵ Dalam isu hubungan dengan PRC, jumlah perdagangan yang besar dengan ASEAN di mana ASEAN secara kolektif adalah rakan dagang PRC yang paling besar mewujudkan kepentingan ASEAN kepada PRC.⁵⁶ Oleh itu, PRC mempunyai kepentingan dalam mengekalkan hubungan yang baik dengan negara-negara ASEAN dan secara tidak langsung mengurangkan potensi konfrontasi langsung dari PRC terhadap Singapura berkaitan hubungan Singapura dengan Taiwan.

Melalui ASEAN, negara-negara Asia Tenggara ini dapat menyuarakan kepentingan mereka secara bersama-sama dan secara tidak langsung memelihara kepentingan masing-masing. Contohnya dalam isu berkaitan pertikaian wilayah di Laut China Selatan, ASEAN komited untuk mewujudkan kod kelakuan (Code of Conduct - COC) yang sejajar dengan undang-undang antarabangsa, khususnya United Nations Conventions on the Law of the Sea (UNCLOS).⁵⁷ COC ini akan melindungi kepentingan Singapura dari segi keselamatan laluan perdagangan. Komitmen yang disampaikan melalui ASEAN ini kelihatan lebih neutral dan tidak menggambarkan seolah-olah Singapura cuba menyekat kepentingan PRC.

c) Amalan berkecuali dan strategi *hedging* terhadap persaingan US-PRC

Dalam isu hubungannya dengan Taiwan, faktor US tidak boleh diketepikan sama sekali kerana dari segi dasar, US mempunyai komitmen terhadap keselamatan Taiwan di bawah Taiwan Relations Act. Selain itu, persaingan US-PRC menjadi isu penting dalam geopolitik di rantau ini yang mempengaruhi hubungan Singapura dengan US dan PRC. Selain menyatakan idea dan prinsip berkecuali, Singapura turut mengamalkannya. Singapura menonjolkan sikap itu dengan mengadakan hubungan yang rapat dengan kedua-dua US dan PRC. Dengan US, selain kerjasama perdagangan, Singapura menyediakan ruang dan kemudahan untuk kegunaan tentera US di Changi dan terlibat dalam banyak latihan ketenteraan dengan tentera US manakala dengan PRC penglibatan Singapura dalam projek BRI menunjukkan pengiktirafan Singapura terhadap pengaruh ekonomi PRC yang semakin meningkat.

Pendekatan neutral itu turut meliputi kerjasama Singapura dengan Taiwan dan PRC dalam bidang ketenteraan. Memandangkan Singapura telah lama mengadakan kerjasama dengan Taiwan dalam bidang ketenteraan di bawah Projek Starlight, Singapura seterusnya mengadakan kerjasama dengan PRC dalam bidang pertahanan melalui ADESC pada 7 Januari 2008. Dengan adanya kerjasama pertahanan ini, Singapura meletakkan PRC sebagai rakan strategik baharu yang dihargai sebagaimana US walaupun kerjasama itu masih baharu. Sebagai negara kecil dan bergantung kepada perdagangan antarabangsa, Singapura mengharapkan hubungan yang baik antara US dan PRC kerana hubungan baik itu dapat mewujudkan keseimbangan dan memastikan kestabilan di rantau ini.

Singapura mengamalkan strategi *hedging* dalam menguruskan hubungannya dengan US-PRC. Strategi *hedging* Singapura dalam konteks persaingan US dan PRC antara lain adalah mengekalkan hubungan ekonomi yang baik dengan PRC tetapi kurang rapat dari segi politik dan strategi, melibatkan PRC dalam institusi serantau terutamanya ASEAN dengan tujuan mewujudkan komitmen PRC terhadap keamanan dan kestabilan serantau dan mengekalkan imbalan kuasa dengan mengadakan pakatan strategik dengan US terutamanya melalui perjanjian rasmi mengenai penggunaan pangkalan tentera laut di Changi oleh tentera US.⁵⁸ Melalui strategi itu, Singapura mengekalkan kerjasama pertahanan yang kukuh dengan US dan pada masa yang sama meningkatkan kerjasama ekonominya

Peningkatan Pengaruh China dan Dasar Luar Singapura terhadap Taiwan

dengan PRC. Pendirian ini membolehkan Singapura mengharungi persaingan US-PRC yang rumit tanpa menjejaskan kedaulatan atau kestabilan ekonominya.

d) Penglibatan dalam forum-forum pelbagai hala

Singapura percaya bahawa forum pelbagai hala dapat memberi perlindungan dan keadilan kepada negara kecil daripada tindakan agresif negara besar. Penglibatan Singapura di dalam forum-forum pelbagai hala seperti PBB, ICJ, WTO dan APEC mencerminkan komitmen dan keyakinan negara itu terhadap peraturan dan amalan antarabangsa yang berasaskan undang-undang dalam penyelesaian konflik secara diplomasi. Sebagai contoh, Singapura menyokong usaha menyelesaikan isu pertikaian di Laut China Selatan melalui cara diplomasi dan mematuhi undang-undang antarabangsa termasuklah merujuk kepada ICJ.⁵⁹ Dalam isu hubungan dengan Taiwan, Singapura tidak menyatakan isu tersebut perlu dibawa ke ICJ atau mana-mana forum antarabangsa untuk diselesaikan. Namun, dengan menyertai forum-forum seperti ini, Singapura dapat melindungi kepentingan nasionalnya berkaitan isu Taiwan dan PRC dan mengelakkan dirinya daripada diheret ke dalam konflik antara dua negara tersebut.

Strategi Ekonomi dan Perdagangan

Sejak 2013, PRC adalah rakan dagang terbesar Singapura dan Singapura pula adalah pelabur asing yang terbesar bagi PRC. Singapura sedar akan risiko jika ia bergantung kepada PRC bagi kemajuan ekonominya. Untuk menangani risiko itu, strategi Singapura adalah bertujuan untuk mempelbagaikan hubungan ekonominya dengan pelbagai negara atau blok ekonomi. Strategi ini membolehkan Singapura mendapat manfaat daripada akses ke pasaran yang lebih luas dan seterusnya mengurangkan pergantungan ekonomi terhadap PRC.

a) Memperluaskan kerjasama melalui FTA

Kebergantungan Singapura terhadap perdagangan antarabangsa menjadi sebab utama negara itu mengambil pendekatan proaktif untuk mewujudkan FTA. Dengan mempelbagaikan hubungan perdagangannya melalui FTA, Singapura dapat meluaskan pasaran dan mengurangkan pergantungannya kepada mana-mana rakan dagang, termasuk PRC. Singapura mengadakan FTA secara empat peringkat iaitu FTA dua hala antara Singapura dengan negara individu, FTA Singapura dengan blok ekonomi serantau, perjanjian perdagangan dalam blok ekonomi serantau dan FTA di bawah kendalian ASEAN.

b) Penyertaan dalam pertubuhan pelbagai hala bagi perdagangan

Selain mengadakan FTA bagi meluaskan pasaran dan melancarkan perdagangannya dengan banyak negara, Singapura juga memanfaatkan keahliannya di dalam pertubuhan pelbagai hala berkaitan perdagangan seperti WTO dan APEC. Walaupun pertubuhan ini tidak berperanan sebagai FTA, ia memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran perdagangan yang stabil dan boleh diramal, melindungi aliran perdagangan global dan memudahkan kerjasama dalam kalangan ahlinya.

c) Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)

WTO penting bagi Singapura kerana ia menyediakan sistem perdagangan pelbagai hala yang berasaskan peraturan yang terbuka, memupuk pertumbuhan global dan menentang amalan perlindungan.⁶⁰ WTO yang komited terhadap perdagangan bebas dan tanpa diskriminasi, membantu Singapura mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan daya saing globalnya. Selain itu, WTO mempunyai mekanisme bagi menyelesaikan pertikaian berkaitan perdagangan dalam kalangan ahlinya.⁶¹ Oleh itu, ia memberi keadilan kepada semua negara tanpa mengira saiz dan pengaruh. Justeru, dengan menyertai WTO, Singapura dapat melindungi kepentingan perdagangannya. Kepentingan satu badan untuk mengawal selia perdagangan bebas telah diakui oleh Singapura sejak awal lagi di mana Singapura adalah salah satu negara pengasas WTO sejak badan itu ditubuhkan pada 1 Januari 1995. Singapura menunjukkan komitmen terhadap keberkesanan dan kecekapan WTO di mana Singapura telah menganjurkan persidangan peringkat menteri WTO pada Disember 1996.⁶²

d) Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC)

APEC memainkan peranan penting dalam ekonomi Singapura dengan memupuk liberalisasi perdagangan dan pelaburan, integrasi ekonomi serantau dan pertumbuhan dalam kalangan ahli-ahlinya.⁶³ Sebagai salah satu daripada 12 negara pengasas APEC, Singapura mengiktiraf APEC sebagai platform penting untuk kerjasama ekonomi di rantau Asia-Pasifik. Ekonomi APEC secara kolektif menyumbang 62% daripada KDNK global dan 47% daripada perdagangan global pada 2022. Ini menunjukkan kepentingan APEC kepada pembangunan Singapura dan hubungan perdagangan yang saling bergantung. Ekonomi APEC menyumbang lebih 78% daripada perdagangan global Singapura dalam barangan dan perkhidmatan.⁶⁴

Jika FTA secara langsung membuka pasaran baharu untuk Singapura, WTO dan APEC pula membantu dari segi menyediakan rangka kerja penting untuk kemudahan dan peraturan perdagangan pada skala yang lebih besar. Melalui platform pelbagai hala ini, Singapura meningkatkan daya tahan ekonominya dengan mengurangkan pergantungan yang berlebihan kepada mana-mana negara, seperti PRC. WTO dan APEC juga menggalakkan kepelbagaian perdagangan dengan membantu Singapura membina hubungan ekonomi yang kukuh dengan pelbagai negara, memastikan akses kepada pasaran dan sumber global.

Strategi Ketenteraan dan Keselamatan

Sungguhpun potensi PRC melancarkan serangan langsung ke atas Singapura disebabkan hubungan Singapura-Taiwan adalah rendah, sebagai negara kecil, Singapura mengambil langkah persediaan awal dengan merangka strategi pertahanan sekiranya situasi yang buruk berlaku. Singapura berpegang pada prinsip bahawa ia perlu mempertahankan dirinya sendiri dan tidak boleh mengharapkan bantuan luar.

a) Meningkatkan keupayaan Angkatan Tentera Singapura (SAF)

Tindakan pertama Singapura dalam mempertahankan dirinya daripada serangan negara asing termasuk PRC adalah dengan meningkatkan keupayaan pasukan tenteranya, Angkatan Tentera Singapura (Singapore Armed Forces - SAF). Komitmen Singapura dalam meningkatkan keupayaan SAF dapat dilihat dari segi peruntukan kewangan yang besar diberikan kepada SAF. Peruntukan belanjawan pertahanan per kapita Singapura adalah yang tertinggi di rantau ini. Dengan peruntukan

yang besar, SAF mampu memiliki aset ketenteraan yang canggih dan moden seperti jet pejuang F-35A dan kapal tentera laut moden.⁶⁵ Di samping itu, antara pendekatan unik Singapura dalam meningkatkan keupayaan SAF dalam keadaan yang mencabar iaitu ruang latihan yang terbatas dan bilangan anggota yang sedikit adalah dengan menghantar tenteranya menjalani latihan di Taiwan di bawah Projek Starlight.⁶⁶ Singapura juga menjadikan kewajipan untuk rakyatnya (warganegara dan penduduk tetap lelaki) menyertai khidmat negara dan sebagai tentera kerahan.⁶⁷

Pendekatan proaktif Singapura dalam memodenkan pasukan tenteranya mencerminkan komitmennya untuk menangani ancaman yang semakin berkembang termasuk ancaman PRC. Dengan sistem pertahanan yang canggih, latihan yang komprehensif dan pandangan jauh yang strategik, Singapura telah menunjukkan komitmennya dalam mempertahankan keselamatannya walaupun dengan saiz yang kecil dan sumber yang terhad.⁶⁸

b) Kerjasama pertahanan dengan US

Untuk mengimbangi kehadiran dan pengaruh ketenteraan PRC yang semakin meningkat, Singapura mengukuhkan hubungan pertahanannya yang telah lama terjalin dengan US. Selain usaha sendiri dalam meningkatkan keupayaan dan memodenkan SAF, Singapura juga meningkatkan keupayaan tenteranya dengan mengukuhkan kerjasama keselamatan dengan US.⁶⁹ Kerjasama dengan US yang ketara ialah dari segi penggunaan pangkalan tentera di Changi oleh tentera US dengan tujuan untuk mengimbangi kuasa dan pengaruh PRC di rantau Asia Tenggara. Kesedaran mengenai keperluan untuk mewujudkan keseimbangan kuasa di rantau ini telah wujud dalam pemikiran pemimpin-pemimpin Singapura yang terdahulu terutamanya Lee Kuan Yew yang melihat hanya US yang mampu mengimbangi pengaruh PRC di Asia Tenggara. Pemimpin generasi baharu Singapura juga masih mempunyai pandangan sedemikian sehingga kini di mana Singapura dan US telah menandatangani The Protocol of Amendment to the 1990 MOU pada September 2019 untuk melanjutkan penggunaan pangkalan udara dan pelabuhan oleh tentera US bagi tempoh 15 tahun lagi.⁷⁰

Pada tahun 1998, Singapura mengukuhkan lagi hubungan keselamatannya dengan US dengan membina dermaga baharu di Pangkalan Tentera Laut Changi yang direka khusus untuk menempatkan kapal pengangkut pesawat US.⁷¹ Kerjasama dengan US juga membolehkan tentera Singapura meningkatkan keupayaan mereka melalui pelbagai latihan bersama pasukan tentera US seperti Ex Tiger Balm, Ex Valiant Mark dan Ex Green Flag East.⁷²

c) Kerjasama pertahanan dengan PRC

Sungguhpun Singapura melihat US sebagai kuasa besar yang bernilai bagi kestabilan, kemakmuran dan keselamatan di Asia, ia tidak bermakna Singapura akan meminggirkan PRC sepenuhnya dalam bidang ketenteraan. Secara umumnya dalam konteks persaingan US dan PRC, strategi *hedging* Singapura adalah mengekalkan hubungan ekonomi yang baik dengan PRC tetapi kurang rapat dari segi politik dan strategi.⁷³ Walau bagaimanapun, dalam mengimbangi hubungan dengan kedua-dua PRC dan US, Singapura turut menjalinkan kerjasama pertahanan dengan PRC untuk memupuk persefahaman bersama dan mengurangkan ketegangan.

Kerjasama pertahanan ini dibuat secara rasmi melalui ADESC yang ditandatangani pada 7 Januari 2008. Kerjasama rasmi itu kemudiannya dipertingkatkan melalui *The Enhanced ADESC* pada tahun 2019 untuk menegaskan semula persahabatan yang mesra dan erat antara kedua-dua negara, mencerminkan kemajuan yang telah dicapai dalam hubungan pertahanan dua hala sepanjang dekad yang lalu dan menggambarkan komitmen Singapura dan PRC untuk mengukuhkan hubungan pertahanan dan keselamatan dua hala.⁷⁴ Melalui kerjasama rasmi ini, Singapura dan PRC telah

menunjukkan komitmen untuk meningkatkan kerjasama dua hala dengan mengadakan latihan bersama di bawah Ex-Cooperation yang melibatkan tentera darat dan tentera laut masing-masing.

Walaupun kerjasama antara SAF dan PLA tidak sedalam kerjasama antara SAF dengan pasukan tentera US, latihan di bawah Ex-Cooperation ini dibuat secara konsisten. Ex-Cooperation bermula pada 2009 dan merupakan sebahagian daripada usaha SAF dalam mengadakan latihan dengan pasukan tentera asing.⁷⁵ Latihan bersama ini telah diadakan sebanyak enam edisi di mana edisi yang terakhir telah berlangsung pada 17 hingga 28 November 2024 di Henan, PRC.⁷⁶ Selain tentera darat, kerjasama ini turut melibatkan latihan bersama pasukan tentera laut kedua-dua negara. Ex-Maritime Cooperation telah bermula sejak 2015 dan telah diadakan sebanyak tiga kali. Kali terakhir ia diadakan adalah pada 1 hingga 5 September 2024.⁷⁷

Latihan bersama seperti ini menggalakkan kepercayaan antara kedua-dua pihak. Tindakan Singapura yang mengadakan kerjasama ketenteraan dengan PRC mencerminkan komitmennya untuk mengekalkan komunikasi terbuka dan mencegah salah faham dengan PRC. Selain itu, ia juga sedikit sebanyak dapat mengimbangi kerjasama ketenteraan Singapura-Taiwan di bawah Projek Starlight yang telah diadakan sejak sekian lama.

d) Penglibatan dengan PRC melalui ASEAN

Jika dibandingkan dengan tindak balas secara bersendirian, tindak balas Singapura ke atas pengaruh ketenteraan PRC melalui ASEAN adalah lebih mudah dan tidak rumit kerana sebarang dasar, keputusan atau tindakan yang dibuat oleh ASEAN secara kolektif, yang sekiranya tidak selari dengan kepentingan PRC, tidak menunjukkan ia dibuat bagi kepentingan Singapura semata-mata atau menggambarkan sentimen ASEAN yang anti-PRC.

Salah satu tujuan ASEAN iaitu *promote regional peace and stability through abiding respect for justice and the rule of law in the relationship among countries of the region and adherence to the principles of the United Nations Charter* selari dengan pendekatan dan kepentingan Singapura.⁷⁸ Selain itu, salah satu ciri penting ASEAN yang menjadikannya platform terbaik dalam mengurus campur tangan kuasa asing termasuklah pengaruh ketenteraan PRC adalah Kepusatan ASEAN (ASEAN Centrality). Kepusatan ASEAN adalah ciri utama dalam keselamatan serantau dan kerjasama pelbagai hala Asia yang boleh digunakan untuk memastikan masa depan Asia tidak ditentukan oleh mana-mana kuasa besar.⁷⁹ Kepusatan ASEAN adalah penting di mana Perkara 1.15 Piagam ASEAN menyatakan bahawa objektif utama ASEAN adalah untuk mengekalkan Kepusatan ASEAN dan peranan proaktif ASEAN sebagai penggerak utama bagi hubungan dan kerjasamanya dengan rakan kongsi luar dalam seni bina serantau yang terbuka, telus dan terangkum.⁸⁰

Berdasarkan ciri-ciri ini, Singapura memanfaatkan kedudukannya dalam ASEAN untuk menangani pelbagai ancaman keselamatan termasuklah pengaruh ketenteraan PRC ke atas Singapura dengan menggalakkan penglibatan yang kolektif, kestabilan serantau dan penyelesaian pertikaian dengan cara yang aman. Penglibatan dan interaksi Singapura dengan PRC melalui pelbagai inisiatif yang diterajui ASEAN (ASEAN-led initiatives) seperti ARF dan ADMM-Plus dapat meningkatkan persefahaman, saling percaya dan mengurangkan risiko tercetusnya tindak balas agresif dari PRC. Forum pelbagai hala seperti ini juga dapat mengurangkan dominasi negara kuasa besar, termasuk PRC dan memastikan negara kecil dan pertengahan mengekalkan kebebasan masing-masing.

Keberkesanan ASEAN dalam menjadi saluran untuk mengelakkan konfrontasi PRC ke atas Singapura dapat dilihat semasa tempoh Singapura menjadi negara penyelarasan ASEAN bagi PRC iaitu dari 2015 hingga 2018. Singapura berjaya mengemudi hubungan tersebut walaupun berlaku beberapa peristiwa penting dalam hubungannya dengan PRC seperti rampasan kenderaan tentera Singapura oleh pihak berkuasa pelabuhan Hong Kong pada tahun 2016 dan pendirian Singapura berhubung

Pengurusan Sharp Power

a) Pendekatan dasar untuk mengukuhkan identiti nasional

Pendekatan dasar utama yang diambil oleh Kerajaan Singapura adalah dari segi pengukuhan identiti nasional iaitu menghapuskan persepsi bahawa Singapura adalah sebuah negara Cina. Dalam hal ini, Singapura secara dasarnya akan menonjolkan dirinya sebagai negara berbilang kaum. Untuk membuktikan kepelbagaian dan Singapura bukanlah negara Cina, Singapura menetapkan peruntukan di dalam perlembagaannya bahawa bahasa rasmi negara itu bahasa Melayu, Mandarin, Tamil dan Inggeris walaupun mempunyai penduduk kaum Cina yang majoriti. Selain itu, Singapura secara aktif mempromosikan kepelbagaian kaum sebagai asas identiti nasionalnya, contohnya perayaan utama pelbagai kaum dijadikan sebagai cuti umum di Singapura seperti Hari Raya Puasa, Deepavali dan Hari Vesak. Bagi mengelakkan dominasi satu kaum dalam kawasan tertentu, kerajaan menetapkan dasar bahawa perumahan awam tidak diasingkan mengikut kaum.⁸²

Komitmen Singapura dalam mengelakkan persepsi negara itu kelihatan “China” juga dapat dilihat dari segi pelantikan presiden dari kaum minoriti. Pada tahun 2017, Singapura telah meminda perlembagaannya untuk memberi laluan kepada wakil kaum minoriti dipilih sebagai presiden sekiranya untuk tempoh tertentu, tiada kaum minoriti yang berjaya memenangi pilihanraya presiden. Dalam ucapan rasmi yang melibatkan kehadiran masyarakat yang ramai, contohnya perhimpunan hari kebangsaan, Perdana Menteri akan memberikan ucapan dalam tiga bahasa iaitu bahasa Melayu (bahasa kebangsaan), bahasa yang mewakili kaumnya (sama ada Melayu, Mandarin atau Tamil) dan disusuli dengan bahasa Inggeris iaitu bahasa perantaraan.⁸³

Dasar dan strategi Singapura ini memberikan kesan baik di mana berdasarkan tinjauan pendapat yang dibuat oleh Institute of Policy Studies, kebanyakan rakyat Singapura tidak melihat isu perkauman sebagai satu perkara yang dibimbangkan dalam kehidupan seharian mereka.⁸⁴ Rakyat Singapura kini menjadi lebih terbuka kepada kepelbagaian kaum dan ini menyumbang kepada masyarakat yang lebih terangkum dan berdaya tahan. Selain itu, lebih ramai rakyat Singapura kini dapat menerima idea Perdana Menteri atau Presiden dari kaum Melayu atau India.

b) Pendekatan undang-undang

i) Undang-undang keselamatan

Singapura terkenal sebagai negara yang mempunyai undang-undang yang ketat. Menyedari ancaman pengaruh luar boleh menjejaskan kepentingan nasionalnya, Singapura telah mewujudkan FICA pada tahun 2021 untuk melindungi Singapura daripada pengaruh asing dan kempen maklumat yang bermusuhan (*hostile information campaigns*). FICA bertujuan untuk melindungi kedaulatan Singapura dan memastikan keputusan domestik kekal bebas daripada pengaruh asing.⁸⁵ FICA memberi tumpuan kepada menangani kempen maklumat bermusuhan dan mengawal selia orang yang mempunyai kepentingan politik. Melalui FICA, kerajaan boleh mengambil tindakan seperti mengalih keluar kandungan berbahaya, menyekat akses kepada lokasi dalam talian yang dilarang dan mewajibkan ketelusan bagi entiti yang berisiko menerima pengaruh asing.

Sejak ia diperkenalkan, beberapa kes telah diambil tindakan di bawah FICA antaranya ialah kes yang melibatkan Guo Wengui dan Philip Chan.⁸⁶ Keseriusan Singapura dalam mencegah ancaman ini juga mendorong pihak berkuasa negara itu mengisytiharkan Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC) sebagai Orang Kepentingan Politik (*Politically Significant Person* - PSP) di bawah FICA.⁸⁷ Selain FICA, Singapura juga mengadakan undang-undang POFMA untuk menghalang penyebaran kenyataan fakta palsu melalui komunikasi elektronik. Tujuannya antara lain adalah untuk menangani penyebaran maklumat palsu, termasuk yang bertujuan untuk memanipulasi pendapat umum atau menyebabkan kemudaratan.⁸⁸ Selain undang-undang khusus, Singapura juga mempunyai undang-undang umum sedia ada yang boleh digunakan untuk mengambil tindakan ke atas pihak yang terlibat dengan campur tangan asing. Contohnya dalam kes Huang Jing, tindakan diambil melalui cara pengusiran dan menyekat kemasukan.⁸⁹

ii) Kawalan ke atas media

Memandangkan media adalah salah satu saluran bagi penyebaran pengaruh *sharp power*, Singapura turut melakukan kawalan ke atas media. Kerajaan Singapura melaksanakan kawalan ketat ke atas media, yang menghadkan pengaruh *sharp power* PRC.⁹⁰ Kebanyakan saluran media cetak dan penyiaran di Singapura tidak semestinya milik kerajaan, tetapi ia dikawal oleh kerajaan. Kawalan ke atas kandungan media (termasuk media penyiaran, bercetak, filem, kandungan internet dan perkhidmatan telekomunikasi) dilaksanakan oleh Infocomm Media Development Authority (IMDA) untuk memastikan bahawa kandungan media ini mematuhi rangka kerja kawal selia Singapura dan melindungi kepentingan masyarakat. Antara tindakan yang pernah diambil ialah menyekat akses ke 10 laman web yang didapati terlibat menyebarkan pengaruh asing di Singapura.⁹¹

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, peningkatan pengaruh China yang pada asasnya telah mengubah perkiraan strategik negara termasuk Singapura. Ia telah merumitkan tindakan halus Singapura dalam hubungannya dengan kedua-dua PRC dan Taiwan. PRC memanfaatkan kelemahan Singapura sebagai negara kecil dalam mengenakan pelbagai bentuk pengaruhnya untuk mempengaruhi dasar luar Singapura terhadap Taiwan. Pengaruh politik dan ekonomi PRC memberi kesan ketara ke atas dasar luar Singapura terhadap Taiwan, iaitu dari segi penetapan dasar yang selari dengan kehendak PRC iaitu Dasar Satu China. Berbanding pengaruh politik dan ekonomi, pengaruh ketenteraan tidak ketara buat masa ini di mana potensi PRC menggunakan pengaruh ketenteraannya adalah tidak setinggi pengaruh politik dan ekonomi. Keadaan ini antara lain disebabkan wujudnya kerjasama ketenteraan antara Singapura-US dan kepentingan ekonomi PRC di Asia Tenggara, khususnya Singapura. Dari segi *sharp power*, keberkesanan pengaruh tersebut tidak menyeluruh dan tidak menggambarkan situasi keseluruhan di Singapura. Pengaruh *sharp power* PRC juga sukar untuk mempengaruhi dasar luar Singapura.

Singapura menggunakan strategi politik dan diplomasi untuk mengekalkan hubungan sedia adanya dengan PRC dan Taiwan. Dari segi pengaruh ekonomi PRC, Singapura cuba mengurangkan kebergantungan kepada ekonomi PRC dengan mempelbagaikan hubungan ekonominya. Biarpun ancaman ketenteraan PRC tidak ketara, Singapura sentiasa bersedia dari segi pertahanan bagi mengelakkan senario buruk berlaku. Singapura menyedari kewujudan pengaruh *sharp power* PRC. Oleh itu, tindakan diambil untuk mengukuhkan identiti nasionalnya bagi mengelakkan gambaran Singapura sebagai negara China. Kawalan ke atas media dan tindakan undang-undang juga diambil bagi mencegah penyebaran pengaruh asing yang boleh mempengaruhi sentimen masyarakat.

Faktor kepemimpinan adalah faktor domestik yang banyak mempengaruhi tindak balas Singapura itu. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati Singapura cuba mengekalkan keadaan sedia ada iaitu hubungan yang baik dengan PRC dan pada masa yang sama meneruskan hubungan tidak rasmi dengan Taiwan. Singapura juga komited dalam mengekalkan pendekatan *hedging* terhadap US dan PRC selama mana yang boleh untuk memaksimumkan manfaat dari hubungan dengan kedua-dua kuasa besar itu.

Nota

¹ Johnson, C.K., Cha, V. & Searight, A., "How Should We View China's Rise?," December 15. Center for Strategic & International Studies, 2016. https://csis-website-prod.s3.amazonaws.com/s3fs-public/publication/161215_GF2017_chapter5_johnson_china_rise.pdf.

² Mankikar, K. A., "China's Sharp Power: Blunting the World's Edge or a Moment of Global Awakening?" *ORF Issue Brief*, no. 585, 2022, p. 3.

³ Lim, Z. J. x "Resolving Away a China Problem: The Issue of Chinese Representation in the Singapore-Republic of China Relationship, 1965–1971," *The International History Review* 44, no. 3, 2022, 613-632; Hsieh, P. L., "The quest for recognition: Taiwan's military and trade agreements with Singapore under the one-China policy," *International Relations of the Asia-Pacific* 19, no. 1, 2019, 89-115; Young, J., "Space for Taiwan in regional economic integration: Cooperation and partnership with New Zealand and Singapore," *Political Science* 66 no. 1, 2014, pp.3-22.

⁴ Hsieh, P. L., p. 89-115; Shih, C. Y., "Affirmative balance of the Singapore–Taiwan relationship: A bilateral perspective on the relational turn in international relations," *International Studies Review* 18 no. 4, 2016, 681-701; Chong, A., "Singapore's Relations with Taiwan 1965–2005: From Cold War Coalition to Friendship Under Beijing's Veto." Dlm. Ho, K. L. & Hou, K. C (pnyt.). *Ensuring Interests: The Dynamics of China-Taiwan Relations and Southeast Asia*, Institute of China Studies. Kuala Lumpur, 2006, pp. 177-200.

⁵ Scott, D., "Indo-Pacific Strategies for Singapore and Taiwan: Dealing with Major Powers," *Journal of Indo-Pacific Affairs* 5, no. 7, 2022; Chang, I.W.J., "Taiwan's Military Ties to Singapore Targeted by China," *Global Taiwan Brief* 5 no. 9, 2020, <https://Globaltaiwan.Org/2020/05/Taiwans-Military-Ties-To-Singapore-Targeted-By-China/>.

⁶ Ibid.

⁷ Chen, K. W., "Combating Beijing's sharp power: Taiwan's democracy under fire," *Journal of Democracy* 33, no. 3, 2022, 147-153. <https://doi.org/10.1353/jod.2022.0029>.

⁸ deLisle, J., "Editor's corner: Political warfare, sharp power, the U.S., and East Asia," *Orbis* 62, no. 4, 2018, pp. 497-515. <https://doi.org/10.1016/j.orbis.2018.08.001>; Kurlantzick, J., "China's soft and sharp power strategies in Southeast Asia accelerating, but are they having an impact?," *Council on Foreign Relations*, July 29, 2019. <https://www.cfr.org/articles/chinas-soft-and-sharp-power-strategies-southeast-asia-accelerating-are-they-having-impact>.

⁹ Hsiao, R., "A preliminary survey of CCP influence operations in Singapore," *The Jamestown Foundation*. July 16, 2019. <https://jamestown.org/a-preliminary-survey-of-ccp-influence-operations-in-singapore/>.

¹⁰ Wu, J.-M. (pnyt.) *China's Influence and the Center-Periphery Tug of War in Hong Kong, Taiwan and Indo-Pacific*, Routledge. London, 2023.

¹¹ Chong, A., "Singapore engages China's Belt and Road Initiative: The pitfalls and promises of soft strategies." Dlm. *NIDS ASEAN workshop 2019 'China's BRI and ASEAN*, The Institute for Defense Studies, Tokyo, 2019, p. 63.

¹² Kang, D. S. & Young, N. C., "A Special Relationship Not So Special Anymore: Changing Dynamics of China-Singapore Relations," *Journal of International and Area Studies* 30, no. 1, 2023, p. 59.

- ¹³ Chong, A., 2019, p. 63.
- ¹⁴ Bo, M., “Trends in South East Asia: Managing China-Singapore Relations Amid US-China Rivalry,” *ISEAS-Yusof Ishak Institute*, Singapore, 2023, p. 1-2.
- ¹⁵ Young, J., “Space for Taiwan in regional economic integration: Cooperation and partnership with New Zealand and Singapore,” *Political Science* 66, no. 1, 2014, p. 19.
- ¹⁶ Kang, D. S. & Young., 2023, p. 60.
- ¹⁷ Chong, A., *Singapore’s Relations with Taiwan 1965–2005: From Cold War Coalition to Friendship Under Beijing’s Veto*. Dlm. Ho, K. L. & Hou, K. C (pnyt.). Ensuring Interests: The Dynamics of China-Taiwan Relations and Southeast Asia, hlm 177-200. Institute of China Studies & University of Malaya, Kuala Lumpur, 2006, p. 189.
- ¹⁸ Taipei Times. “China threatens Singapore after ministerial visit,” *Taiwan News*, 4 Ogos 2004. <https://www.taipetitimes.com/News/taiwan/archives/2004/08/04/2003181653>.
- ¹⁹ Chan, I., “Reversing China’s Belt-and-Road Initiative—Singapore’s response to the BRI and its quest for relevance,” *East Asia* 36, no. 3, 2019, p. 201.
- ²⁰ Hong, L., Xin, F. & Lim, G. “Singapore Engages the Belt and Road Initiative: Perceptions, Policies, and Institutions,” *The Singapore Economic Review* 66, no. 01, 2021, p. 297.
- ²¹ Enterprise Singapore. “Belt and Road Initiative How Singapore SMEs Can Work with China Along the Belt and Road”. September 10. <https://www.enterprisesg.gov.sg/resources/blog/how-singapore-smes-can-work-with-china-along-the-belt-and-road>, 2024.
- ²² Chan, I., 2019, p. 188
- ²³ Hong, L., Xin, F. & Lim, G., 2021, p. 226
- ²⁴ Yu, H., *Understanding China’s Belt and Road Initiative*, Springer Nature, Singapore, 2024, p. 91-92.
- ²⁵ Shanmugam, K., “How Singapore can gain from One Belt, One Road initiative,” *The Straits Times*. Ogos 30. <https://www.straitstimes.com/opinion/how-spore-can-gain-from-one-belt-one-road-initiative>, 2017.
- ²⁶ Chan, I., 2019, p. 204.
- ²⁷ Singapore Institute of International Affairs. “Setting the Record Straight – Singapore’s Role in the BRI,” April 27. <https://www.siaaonline.org/setting-the-recordstraight-singapores-role-in-the-bri/>, 2018.
- ²⁸ Ministry of Trade and Industry, Singapore. “China and Singapore Sign Upgraded Agreement.” November. <https://www.mti.gov.sg/en/Newsroom/Press-Releases/2018/11/China-and-Singapore-Sign-Upgraded-Agreement>, 2018.
- ²⁹ Cheong, D., “Singapore and China sign deal to boost cooperation on Belt and Road Initiative,” *The Straits Times*, April 12. <https://www.straitstimes.com/asia/east-asia/singapore-and-china-sign-deal-to-boost-cooperation-on-belt-and-road-initiative>, 2018.
- ³⁰ US Departments of Defense. “Military and Security Developments Involving the People’s Republic of China 2023.” *Annual Report to Congress*. 2023, p. 1
- ³¹ Ministry of Foreign Affairs, Singapore. “Transcript of Minister for Foreign Affairs Dr Vivian Balakrishnan’s Doorstop Interview with Singapore Media Following the ASEAN Foreign Ministers’ Meeting and Related Meetings in Phnom Penh, 5 August 2022”, *Press Statements, Transcripts & Photos*, Ogos 6. <https://www.mfa.gov.sg/Newsroom/Press-Statements-Transcripts-and-Photos/2022/08/20220806-Transcript-Min-Doorstop>
- ³² Tan, S. L., “Ex-diplomat says there are ‘more intelligent ways’ for the U.S. to support Taiwan than to visit,” *CNBC-Asia Politics*, Ogos 5. <https://www.cnb.com/2022/08/06/speaker-pelosis-taiwan-visit-made-things-worse-ex-singapore-diplomat.html>.
- ³³ Hsieh, P. L., “The quest for recognition: Taiwan’s military and trade agreements with Singapore under the one-China policy,” *International Relations of the Asia-Pacific* 19 no. 1, 2019, pp. 12-14
- ³⁴ Chang, I.W.J., “Taiwan’s Military Ties to Singapore Targeted by China,” *Global Taiwan Brief* 5, no. 9, Mei 2020. 6. <https://Globaltaiwan.Org/2020/05/Taiwans-Military-Ties-To-Singapore-Targeted-By-China/>.

Peningkatan Pengaruh China dan Dasar Luar Singapura terhadap Taiwan

³⁵ Hsiao, R., "A Preliminary Survey of CCP Influence Operations in Singapore," *The Jamestown Foundation*, Julai 16. 2019. <https://jamestown.org/program/apreliminary-survey-of-ccp-influence-operations-in-singapore/>.

³⁶ Ibid.

³⁷ Weidenbaum, M., "The Bamboo Network: Asia's Family-run Conglomerates," *Strategy*. Jan 1. <https://www.strategy-business.com/article/9702>.

³⁸ Du Rocher, S. B., "The Belt and Road: China's "Community of Destiny" for Southeast Asia?," Center for Asian Studies, Jun. https://www.ifri.org/sites/default/files/migrated_files/documents/atoms/files/boisseau_bri_community_destiny_2020.pdf 2020. p. 40

³⁹ Mahtani, S. & Chandradas, A., "In Singapore, loud echoes of Beijing's positions generate anxiety," *The Washington Post*. Julai 24. 2023. <https://www.washingtonpost.com/world/interactive/2023/singapore-china-news-influence-lianhe-zaobao/>

⁴⁰ Dong, Z. & Zhuang, J., "Singapore media regime whack-a-mole with Chinese misinformation (Part I)," *Radio Free Asia*. Julai 23. 2024. <https://www.rfa.org/english/news/afcl/singapore-china-propaganda-media-influence-07222024170026.html>.

⁴¹ Hsiao, R., 2019.

⁴² Ibid.

⁴³ Kok, X., "Singapore orders social media firms to block 95 accounts tied to exiled Chinese businessman," *Reuters*. Julai 19. 2024. <https://www.reuters.com/world/asia-pacific/singapore-orders-social-media-firms-block-95-accounts-tied-exiled-chinese-2024-07-19/>.

⁴⁴ Ministry of Foreign Affairs, Singapore. "Letter to Editor-Washington Post". Julai 26. 2023. <https://www.mfa.gov.sg/Overseas-Mission/Washington/Mission-Updates/2023/08/Letter-to-the-Editor---Washington-Post>.

⁴⁵ Kurlantzick, J., "China's Soft and Sharp Power Strategies in Southeast Asia Accelerating, But Are They Having an Impact?," *Council on Foreign Relations*, Julai 29. 2019. <https://www.cfr.org/blog/chinas-soft-and-sharp-power-strategies-southeast-asia-accelerating-are-they-having-impact>.

⁴⁶ Hsiao, R., 2019.

⁴⁷ Frécon, E., *The Singaporean Battlefield for the Chinese New World Order: Norms in the Security Domain*, Springer Nature, Singapore, 2024, pp. 193-207.

⁴⁸ Hsieh, P. L., 2019, pp. 2-3.

⁴⁹ Hsieh, P. L., 2019, p. 17.

⁵⁰ Scott, D., "Indo-Pacific Strategies for Singapore and Taiwan: Dealing with Major Powers," *Journal of Indo-Pacific Affairs*, 5, no. 7, 2022, pp. 89-90.

⁵¹ Channel News Asia. "In full: PM Lee's dialogue with the Council on Foreign Relations," Mac 31. 2022. <https://www.channelnewsasia.com/singapore/pm-lee-hsien-loong-dialogue-council-foreign-relations-2597991>.

⁵² Koh, T., "Why ASEAN is Good for Singapore," *The Straits Times*. Januari 9. 2018.

⁵³ Ibid.

⁵⁴ Ministry of Foreign Affairs, Singapore. "Transcript of Minister for Foreign Affairs Dr Vivian Balakrishnan's Doorstop Interview with Local Media Following the 56th ASEAN Foreign Ministers' Meeting in Jakarta, Indonesia," Julai 14. 2023. <https://www.mfa.gov.sg/Newsroom/Press-Statements-Transcripts-and-Photos/2023/07/20230714-Transcript-AMM-Doorstop>.

⁵⁵ Ibid.

⁵⁶ ASEAN. "ASEAN-China Economic Relation," <https://asean.org/our-communities/economic-community/integration-with-global-economy/asean-china-economic-relation/>.

⁵⁷ Ministry of Foreign Affairs, Singapore. 2023.

⁵⁸ Kuik, C. C., "The Essence of Hedging: Malaysia and Singapore's Response to a Rising China," *Contemporary Southeast Asia: A Journal of International and Strategic Affairs* 30, no. 2, 2008, pp. 176-179.

⁵⁹ Ministry of Foreign Affairs, Singapore. "MFA Spokesman's Comments on the ruling of the Arbitral Tribunal in the Philippines v China case under Annex VII to the 1982 United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS)," Julai 12. 2016. <https://www.mfa.gov.sg/Newsroom/Press-Statements-Transcripts-and-Photos/2016/07/MFA-Spokesmans-Comments-on-the-ruling-of-the-Arbitral-Tribunal-in-the-Philippines-v-China-case-under>.

⁶⁰ Ministry of Foreign Affairs, Singapore. "WTO," <https://www.mfa.gov.sg/SINGAPORES-FOREIGN-POLICY/International-Organisations/WTO>.

⁶¹ World Trade Organization. "Dispute Settlement Body," https://www.wto.org/english/tratop_e/dispu_e/dispu_body_e.htm.

⁶² Ministry of Trade and Industry, Singapore. "World Trade Organisation (WTO)," Oktober 17. 2024. <https://www.mti.gov.sg/Trade/Multilateral-and-Regional-Forums/World-Trade-Organization-WTO>.

⁶³ Ministry of Foreign Affairs, Singapore. "APEC," <https://www.mfa.gov.sg/SINGAPORES-FOREIGN-POLICY/International-Organisations/APEC>.

⁶⁴ Ministry of Trade and Industry, Singapore. "Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC)," September 28. 2020. <https://www.mti.gov.sg/Trade/Multilateral-and-Regional-Forums/Asia-Pacific-Economic-Cooperation-APEC>.

⁶⁵ *Channel News Asia*. "Committee of Supply 2024 debate, Day 1: Ng Eng Hen on new fighter jets and defence spending," Februari 28. 2024. <https://www.channelnewsasia.com/watch/committee-supply-2024-debate-day-1-ng-eng-hen-new-fighter-jets-and-defence-spending-4156591>.

⁶⁶ Chang, 2020.

⁶⁷ Singapore National Service. "About Us," <https://www.ns.gov.sg/web/about-us>.

⁶⁸ Triantama, F. & Pangestu, Y., "Revolution in Military Affairs: Strategi Menghadapi Strategic Disadvantage Singapura," *Journal of International Studies* 3, no. 2, 2020, p. 205.

⁶⁹ Goh, E., "Singapore's Reaction to Rising China: Deep Engagement and Strategic Adjustment," *RSIS Working Paper*, No. 67, Nanyang Technological University, Singapore, 2002 pp. 2-3.

⁷⁰ Lam, P. E. "Singapore-China Relations in Geopolitics, Economics, Domestic Politics and Public Opinion: An Awkward "Special Relationship"?", *Journal of Contemporary East Asia Studies*, 10 no. 2, 2021, p. 207.

⁷¹ Kuik, C. C., 2008, p. 178.

⁷² MINDEF, Singapore. "United States," <https://www.mindef.gov.sg/defence-matters/exercises---operations/saf-exercises>.

⁷³ Kuik, C. C., 2008, p. 176.

⁷⁴ MINDEF, Singapore. "Fact Sheet: Enhanced Agreement on Defence Exchanges and Security Cooperation (ADESC)," Oktober 20. 2019. https://www.mindef.gov.sg/news-and-events/latest-releases/20oct19_fs.

⁷⁵ MINDEF, Singapore. "SAF and PLA to Conduct Bilateral Exercise Cooperation 2023," Ogos 28. 2023. https://www.mindef.gov.sg/news-and-events/latest-releases/28aug23_nr.

⁷⁶ MINDEF, Singapore. "RSS Stalwart Calls into Zhanjiang, China, for Bilateral Naval Exercise with the People's Liberation Army (Navy)," Ogos 29. 2024. https://www.mindef.gov.sg/news-and-events/latest-releases/29aug24_nr.

⁷⁷ Ibid.

⁷⁸ ASEAN. "ASEAN Aims" <https://asean.org/what-we-do/>.

⁷⁹ Drysdale, P., Armstrong, S., Ascione, B., Gammon, L., Hillman, B., Triggs, A., Wang, J., Richardson, L., Westland, T., Wihardja, M.M., Levidis, A., "ASEAN Centrality: Use It or Lose It," *East Asia Forum*, 2024, <https://eastasiaforum.org/2024/08/12/asean-centrality-use-it-or-lose-it/>.

⁸⁰ Kementerian Kominfo. "ASEAN Centrality, What Does It Mean," *ASEAN Indonesia 2023*. 2023. <https://asean2023.id/en/news/asean-centrality-what-does-it-mean>.

⁸¹ Bo, M., 2023, pp. 14-16.

Peningkatan Pengaruh China dan Dasar Luar Singapura terhadap Taiwan

- ⁸² Wong, P. T., “ST Explains: What is the Ethnic Integration Policy and how does it work?,” *The Straits Times*. Ogos 2. 2024. <https://www.straitstimes.com/singapore/st-explains-what-is-the-ethnic-integration-policy-and-how-does-it-work>.
- ⁸³ Prime Minister’s Office, Singapore. “National Day Rally 2024,” Ogos 18. 2024. <https://www.pmo.gov.sg/Newsroom/National-Day-Rally-2024>.
- ⁸⁴ Mathews, M., Teo, K.K., Nah, S., “Attitudes, Actions and Aspirations: Key Findings from the CNA-IPS Survey on Race Relations 2021,” Institute of Policy Studies, Singapore. 2022. p. 233.
- ⁸⁵ Ministry of Home Affairs, Singapore. “Introduction to Foreign Interference (Countermeasures) Act (FICA),” <https://www.mha.gov.sg/fica>.
- ⁸⁶ Chin, S. F., “NTUC to be designated as politically significant person under foreign interference law,” *The Straits Times*. Julai 11. 2024. <https://www.straitstimes.com/singapore/ntuc-to-be-designated-as-politically-significant-person-under-foreign-interference-law>.
- ⁸⁷ Ibid.
- ⁸⁸ POFMA Office. “Protection from Online Falsehoods and Manipulation Act,” <https://www.pofmaoffice.gov.sg/regulations/protection-from-online-falsehoods-and-manipulation-act/>.
- ⁸⁹ Ministry of Home Affairs, Singapore. 2017. “Press Releases: Cancellation of Singapore Permanent Residence (SPR) Status - Huang Jing and Yang Xiuping,”. <https://www.mha.gov.sg/mediaroom/press-releases/cancellation-of-singapore-permanent-residence-spr-status---huang-jing-and-yang-xiuping/>.
- ⁹⁰ Hsiao, R., 2019.
- ⁹¹ Infocomm Media Development Authority. 2024. “Ten inauthentic websites blocked for potential threat of being used to mount hostile information campaigns against Singapore,” Oktober 22. <https://www.imda.gov.sg/resources/press-releases-factsheets-and-speeches/press-releases/2024/ten-inauthentic-websites->

Rujukan

- ASEAN. 2024. “ASEAN Aims,” 29 Disember 2024. <https://asean.org/what-we-do/>
- ASEAN. 2024. “ASEAN-China Economic Relation,” 27 Oktober 2024. <https://asean.org/our-communities/economic-community/integration-with-global-economy/asean-china-economic-relation/>
- Bo, M. 2023. *Trends in South East Asia: Managing China-Singapore Relations Amid US-China Rivalry*. Singapore: ISEAS-Yusof Ishak Institute.
- Chan, B. 2023. “Taiwanese Popular Culture and the Prospects of Taiwan’s Soft Power in Singapore-Taiwan Relations.” Dlm. *Taiwan and Southeast Asia Soft Power and Hard Truths Facing China’s Ascendancy*, disunting oleh Lee, C. L. K. & Chan, Y. K. (pnyt.), 157-170. London: Routledge.
- Chan, I. 2019. “Reversing China’s Belt-and-Road Initiative—Singapore’s response to the BRI and its quest for relevance,” *East Asia* 36, no. 3: 185-204.
- Chen, K. W. 2022. “Combating Beijing’s sharp power: Taiwan’s democracy under fire,” *Journal of Democracy* 33, no. 3: 147–153. <https://doi.org/10.1353/jod.2022.0029>
- Chang, I.W.J. 2020. “Taiwan’s Military Ties to Singapore Targeted by China,” *Global Taiwan Brief* 5 no. 9. 6 Mei 2024. <https://Globaltaiwan.Org/2020/05/Taiwans-Military-Ties-To-Singapore-Targeted-By-China/>

- Channel News Asia*. 2022. "In full: PM Lee's dialogue with the Council on Foreign Relations," Mac 31.
<https://www.channelnewsasia.com/singapore/pm-lee-hsien-loong-dialogue-council-foreign-relations-2597991>
- Channel News Asia*. 2024. "Committee of Supply 2024 debate, Day 1: Ng Eng Hen on new fighter jets and defence spending," Februari 28.
<https://www.channelnewsasia.com/watch/committee-supply-2024-debate-day-1-ng-eng-hen-new-fighter-jets-and-defence-spending-4156591>
- Cheong, D. 2018. "Singapore and China sign deal to boost cooperation on Belt and Road Initiative," *The Straits Times*, 12 April.
<https://www.straitstimes.com/asia/east-asia/singapore-and-china-sign-deal-to-boost-cooperation-on-belt-and-road-initiative>
- Chin, S. F. 2024. "NTUC to be designated as politically significant person under foreign interference law," *The Straits Times*, Julai 11.
<https://www.straitstimes.com/singapore/ntuc-to-be-designated-as-politically-significant-person-under-foreign-interference-law>
- Chong, A. 2006. "Singapore's Relations with Taiwan 1965–2005: From Cold War Coalition to Friendship Under Beijing's Veto." Dlm. *Ensuring Interests: The Dynamics of China-Taiwan Relations and Southeast Asia*, disunting oleh Ho, K. L. & Hou, K. C (pnyt.), 177-200. Kuala Lumpur: Institute of China Studies & University of Malaya.
- Chong, A. 2019. "Singapore engages China's Belt and Road Initiative: The pitfalls and promises of soft strategies." Dlm. *NIDS ASEAN workshop 2019 'China's BRI and ASEAN*, 43-74. Tokyo: The Institute for Defense Studies.
- deLisle, J. 2018. "Editor's corner: Political warfare, sharp power, the U.S., and East Asia," *Orbis* 62, no. 4: 497-515.
<https://doi.org/10.1016/j.orbis.2018.08.001>
- Dong, Z. & Zhuang, J. 2024. "Singapore media regime whack-a-mole with Chinese misinformation (Part I)," *Radio Free Asia*, Julai 23.
<https://www.rfa.org/english/news/afcl/singapore-china-propaganda-media-influence-07222024170026.html>
- Drysdale, P., Armstrong, S., Ascione, B., Gammon, L., Hillman, B., Triggs, A., Wang, J., Richardson, L., Westland, T., Wihardja, M.M., Levidis, A. 2024. "ASEAN Centrality: Use It or Lose It," *East Asia Forum*, Ogos 12. <https://eastasiaforum.org/2024/08/12/asean-centrality-use-it-or-lose-it/>
- Du Rocher, S. B. 2020. "The Belt and Road: China's "Community of Destiny" for Southeast Asia?," Center for Asian Studies, Jun 2020.
https://www.ifri.org/sites/default/files/migrated_files/documents/atoms/files/boisseau_bri_community_destiny_2020.pdf
- Enterprise Singapore. 2024. "Belt and Road Initiative How Singapore SMEs Can Work with China Along the Belt and Road," September 10.
<https://www.enterprisesg.gov.sg/resources/blog/how-singapore-smes-can-work-with-china-along-the-belt-and-road>
- Frécon, E. 2024. "The Singaporean Battlefield for the Chinese New World Order: Norms in the Security Domain." Dlm. *The Palgrave Handbook of Political Norms in Southeast Asia*, disunting oleh Facal, G., de Micheaux, E.F. & Noren-Nilsson, N., 193-207. Singapore: Springer Nature Singapore.

- Goh, E. 2004. "Singapore's Reaction to Rising China: Deep Engagement and Strategic Adjustment," *RSIS Working Paper*, No. 67, Singapore: Nanyang Technological University.
- Hong, L., Xin, F. & Lim, G. 2021. "Singapore Engages the Belt and Road Initiative: Perceptions, Policies, and Institutions," *The Singapore Economic Review* 66, no. 01: 219-241.
- Hsiao, R. 2019. "A Preliminary Survey of CCP Influence Operations in Singapore," *The Jamestown Foundation*, Julai 16.
<https://jamestown.org/program/a-preliminary-survey-of-ccp-influence-operations-in-singapore/>
- Hsieh, P. L. 2019. "The quest for recognition: Taiwan's military and trade agreements with Singapore under the one-China policy," *International Relations of the Asia-Pacific* 19, no. 1: 89-115.
- Infocomm Media Development Authority. 2024. "Ten inauthentic websites blocked for potential threat of being used to mount hostile information campaigns against Singapore," Oktober 22.
<https://www.imda.gov.sg/resources/press-releases-factsheets-and-speeches/press-releases/2024/ten-inauthentic-websites-blocked>
- Johnson, C.K., Cha, V. & Searight, A. 2016. "How Should We View China's Rise?," *Center For Strategic & International Studies*, December 15.
https://csis-website-prod.s3.amazonaws.com/s3fs-public/publication/161215_GF2017_chapter5_johnson_china_rise.pdf
- Kang, D. S. & Young, N. C. 2023. "A Special Relationship Not So Special Anymore: Changing Dynamics of China-Singapore Relations." *Journal of International and Area Studies* 30, no. 1: 45-69.
- Kementerian Kominfo. 2023. "ASEAN Centrality, What Does It Mean," *ASEAN Indonesia 2023*, April 28.
<https://asean2023.id/en/news/asean-centrality-what-does-it-mean>
- Koh, T. 2018. "Why ASEAN is Good for Singapore," *The Straits Times*. Januari 9.
- Kok, X. 2024. "Singapore orders social media firms to block 95 accounts tied to exiled Chinese businessman," *Reuters*, Julai 19.
<https://www.reuters.com/world/asia-pacific/singapore-orders-social-media-firms-block-95-accounts-tied-exiled-chinese-2024-07-19/>
- Kuik, C. C. 2008. "The Essence of Hedging: Malaysia and Singapore's Response to a Rising China," *Contemporary Southeast Asia: A Journal of International and Strategic Affairs* 30, no. 2: 159-185.
- Kurlantzick, J. 2019. "China's Soft and Sharp Power Strategies in Southeast Asia Accelerating, But Are They Having an Impact?," *Council on Foreign Relations*, Julai 29.
<https://www.cfr.org/blog/chinas-soft-and-sharp-power-strategies-southeast-asia-accelerating-are-they-having-impact>
- Lam, P. E. 2021. "Singapore-China Relations in Geopolitics, Economics, Domestic Politics and Public Opinion: An Awkward "Special Relationship"?", *Journal of Contemporary East Asia Studies* 10, no. 2: 203-217.
- Lim, Z. J. 2022. "Resolving Away a China Problem: The Issue of Chinese Representation in the Singapore-Republic of China Relationship, 1965-1971," *The International History Review* 44, no. 3: 613-632.
- Ma, B. 2023. *Managing China-Singapore Relations Amid US-China Rivalry. Trends in South East Asia*. ISEAS-Yusof Ishak Institute.

- Mahtani, S. & Chandradas, A. 2023. "In Singapore, loud echoes of Beijing's positions generate anxiety," *The Washington Post*, Julai 24.
<https://www.washingtonpost.com/world/interactive/2023/singapore-china-news-influence-lianhe-zaobao/>
- Mankikar, K. A. 2022. "China's Sharp Power: Blunting the World's Edge or a Moment of Global Awakening?," *ORF Issue Brief* No. 585.
- Mathews, M., Teo, K.K., Nah, S. 2022. "Attitudes, Actions and Aspirations: Key Findings from the CNA-IPS Survey on Race Relations 2021," *ips exchange series 22*: 1-252. Institute of Policy Studies, Singapore.
- MINDEF, Singapore. 2024. "RSS Stalwart Calls into Zhanjiang, China, for Bilateral Naval Exercise with the People's Liberation Army (Navy)," Ogos 29.
https://www.mindef.gov.sg/news-and-events/latest-releases/29aug24_nr
- MINDEF, Singapore. 2024. "United States," 29 Disember 2024.
<https://www.mindef.gov.sg/defence-matters/exercises---operations/saf-exercises>
- MINDEF, Singapore. 2019. "Fact Sheet: Enhanced Agreement on Defence Exchanges and Security Cooperation (ADESC)," Oktober 20.
https://www.mindef.gov.sg/news-and-events/latest-releases/20oct19_fs
- MINDEF, Singapore. 2023. "SAF and PLA to Conduct Bilateral Exercise Cooperation 2023," Ogos 28.
https://www.mindef.gov.sg/news-and-events/latest-releases/28aug23_nr
- Ministry of Foreign Affairs, Singapore. 2024. "APEC," 27 Disember 2024.
<https://www.mfa.gov.sg/SINGAPORES-FOREIGN-POLICY/International-Organisations/APEC>
- Ministry of Foreign Affairs, Singapore. 2024. "WTO," 27 Disember 2024.
<https://www.mfa.gov.sg/SINGAPORES-FOREIGN-POLICY/International-Organisations/WTO>
- Ministry of Foreign Affairs, Singapore. 2016. "MFA Spokesman's Comments on the ruling of the Arbitral Tribunal in the Philippines v China case under Annex VII to the 1982 United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS)," Julai 12.
<https://www.mfa.gov.sg/Newsroom/Press-Statements-Transcripts-and-Photos/2016/07/MFA-Spokesmans-Comments-on-the-ruling-of-the-Arbitral-Tribunal-in-the-Philippines-v-China-case-under>
- Ministry of Foreign Affairs, Singapore. 2022. "Transcript of Minister for Foreign Affairs Dr Vivian Balakrishnan's Doorstop Interview with Singapore Media Following the ASEAN Foreign Ministers' Meeting and Related Meetings in Phnom Penh, 5 August 2022," *Press Statements, Transcripts & Photos*, Ogos 6.
<https://www.mfa.gov.sg/Newsroom/Press-Statements-Transcripts-and-Photos/2022/08/20220806-Transcript-Min-Doorstop>
- Ministry of Foreign Affairs, Singapore. 2023. "Letter to Editor-Washington Post," Julai 26.
<https://www.mfa.gov.sg/Overseas-Mission/Washington/Mission-Updates/2023/08/Letter-to-the-Editor---Washington-Post>
- Ministry of Foreign Affairs, Singapore. 2023. "Transcript of Minister for Foreign Affairs Dr Vivian Balakrishnan's Doorstop Interview with Local Media Following the 56th ASEAN Foreign Ministers' Meeting in Jakarta, Indonesia," Julai 14.
<https://www.mfa.gov.sg/Newsroom/Press-Statements-Transcripts-and-Photos/2023/07/20230714-Transcript-AMM-Doorstop>

Peningkatan Pengaruh China dan Dasar Luar Singapura terhadap Taiwan

- Ministry of Home Affairs, Singapore. 2025. "Introduction to Foreign Interference (Countermeasures) Act (FICA)," 6 Januari 2025.
<https://www.mha.gov.sg/fica>
- Ministry of Home Affairs, Singapore. 2017. "Press Releases: Cancellation of Singapore Permanent Residence (SPR) Status - Huang Jing and Yang Xiuping," 18 Oktober 2024.
<https://www.mha.gov.sg/mediaroom/press-releases/cancellation-of-singapore-permanent-residence-spr-status---huang-jing-and-yang-xiuping/>
- Ministry of Trade and Industry, Singapore. 2018. "China and Singapore Sign Upgraded Agreement," November 12.
<https://www.mti.gov.sg/en/Newsroom/Press-Releases/2018/11/China-and-Singapore-Sign-Upgraded-Agreement>
- Ministry of Trade and Industry, Singapore. 2020. "Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC)," September 28.
<https://www.mti.gov.sg/Trade/Multilateral-and-Regional-Forums/Asia-Pacific-Economic-Cooperation-APEC>
- Ministry of Trade and Industry, Singapore. 2024. "World Trade Organisation (WTO)," Oktober 17.
<https://www.mti.gov.sg/Trade/Multilateral-and-Regional-Forums/World-Trade-Organization-WTO>
- POFMA Office. 2024. "Protection from Online Falsehoods and Manipulation Act," 6 Januari 2024.
<https://www.pofmaoffice.gov.sg/regulations/protection-from-online-falsehoods-and-manipulation-act/>
- Prime Minister's Office, Singapore. 2024. "National Day Rally 2024," Ogos 18.
<https://www.pmo.gov.sg/Newsroom/National-Day-Rally-2024>
- Scott, D. 2022. "Indo-Pacific Strategies for Singapore and Taiwan: Dealing with Major Powers," *Journal of Indo-Pacific Affairs* 5 no. 7: 84-95.
- Shanmugam, K. 2017. "How Singapore can gain from One Belt, One Road initiative," *The Straits Times*, Ogos 30.
<https://www.straitstimes.com/opinion/how-spore-can-gain-from-one-belt-one-road-initiative>
- Shih, C. Y. 2016. "Affirmative balance of the Singapore-Taiwan relationship: A bilateral perspective on the relational turn in international relations," *International Studies Review* 18, no. 4: 681-701.
- Singapore Institute of International Affairs. 2018. "Setting the Record Straight – Singapore's Role in the BRI," April 27.
<https://www.siiainline.org/setting-the-recordstraight-singapores-role-in-the-bri/>
- Singapore National Service. 2024. "About Us," 13 Disember 2024.
<https://www.ns.gov.sg/web/about-us>
- Taipei Times. 2004. "China threatens Singapore after ministerial visit," *Taiwan News*, 4 Ogos.
<https://www.taipetimes.com/News/taiwan/archives/2004/08/04/2003181653>
- Tan, S. L. 2022. "Ex-diplomat says there are 'more intelligent ways' for the U.S. to support Taiwan than to visit," *CNBC-Asia Politics*, Ogos 5.
<https://www.cnbc.com/2022/08/06/speaker-pelosis-taiwan-visit-made-things-worse-ex-singapore-diplomat.html>
- Triantama, F. & Pangestu, Y. 2020. "Revolution in Military Affairs: Strategi Menghadapi Strategic Disadvantage Singapura," *Journal of International Studies* 3, no. 2:196-207.
- US Departments of Defense. 2023. "Military and Security Developments Involving the People's Republic of China 2023." *Annual Report to Congress*.

- Weidenbaum, M. 1998. "The Bamboo Network: Asia's Family-run Conglomerates," *Strategy*. Jan 1.
<https://www.strategy-business.com/article/9702>
- Wong, P. T. 2024. "ST Explains: What is the Ethnic Integration Policy and how does it work?," *The Straits Times*, Ogos 2.
<https://www.straitstimes.com/singapore/st-explains-what-is-the-ethnic-integration-policy-and-how-does-it-work>
- World Trade Organization. 2024. "Dispute Settlement Body," 27 Disember 2024.
https://www.wto.org/english/tratop_e/dispu_e/dispu_body_e.htm
- Wu, J.-M. (pnyt.) 2023. *China's Influence and the Center-Periphery Tug of War in Hong Kong, Taiwan and Indo-Pacific*, London: Routledge.
- Young, J. 2014. "Space for Taiwan in regional economic integration: Cooperation and partnership with New Zealand and Singapore," *Political Science* 66, no. 1: 3-22.
- Yu, H. 2024. *Understanding China's Belt and Road Initiative*. Singapore: Springer Nature.